



SENI VISUAL

TINGKATAN 1


SEKOLAH SENI MALAYSIA (SSEM)

SENI VISUAL TINGKATAN 1

RM18.50

FT501001





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam
kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana
kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama
secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang
akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar
akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan
prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

SENI VISUAL

TINGKATAN 1

SEKOLAH SENI MALAYSIA



PENULIS

Marhanim binti Abdul Razak
Norliyanti binti Ithnain
Muhammad Nasir bin Illias



EDITOR

Adnan bin Abd Jamil



PEREKA BENTUK

Noor Nasriq Eqbal bin Ahmad Mijar



ILUSTRATOR

Muhammad Shakir bin Mohd Sarif



Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2016



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0090

KK 700-221-0102011-49-1132-30101
ISBN 978-983-49-1132-4

Cetakan Pertama 2016
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Reka Cetak Sdn Bhd
Muka Taip Teks: Avenir
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:
Harian Zulfadzli Sdn. Bhd.
No. 24, Jalan Usahawan Lima,
Kawasan Perindustrian Setapak,
Off Jalan Genting Klang, Setapak,
53200 Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN).
- Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Shah Alam, Selangor.
- Jabatan Seni, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Galeri Shah Alam.
- Pandan Molek Sdn. Bhd., Melaka.
- Pusat Media & Perhubungan Awam, Universiti Sains Malaysia (USMTV).
- Tiqa Hamizah Enterprise, Sungai Rambai, Melaka.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENDAHULUAN

v

PENERANGAN IKON

vi

TEMA 1: BAHASA SENI VISUAL

1

BAB 1: UNSUR SENI PADA LUKISAN DAN ARCA

2

1.1	Persepsi Estetik pada Lukisan	4
	Persepsi Estetik pada Arca	20
1.2	Aplikasi Seni pada Lukisan	28
	Aplikasi Seni pada Arca	33
1.3	Ekspresi Kreatif pada Lukisan	35
	Ekspresi Kreatif pada Arca	39
1.4	Seni dalam Kehidupan	45

BAB 2: PRINSIP REKAAN

52

2.1	Prinsip Rekaan pada Catan	54
	Prinsip Rekaan pada Cetakan	60
2.2	Aplikasi Seni pada Catan	64
	Aplikasi Seni pada Cetakan	70
2.3	Ekspresi Kreatif pada Catan	73
	Ekspresi Kreatif pada Cetakan	77
2.4	Seni dalam Kehidupan	83



BAB 3: PERSEPSI VISUAL

90

3.1	Persepsi Estetik (Teori Gestalt)	91
	Persepsi Estetik (Teori Komunikasi)	92
3.2	Aplikasi Seni pada Reka Bentuk Grafik	94
	Aplikasi Seni pada Reka Bentuk Industri	103
3.3	Ekspresi Kreatif Reka Bentuk Grafik	107
	Ekspresi Kreatif Reka Bentuk Industri	112
3.4	Seni dalam Kehidupan	118
	• Ciri-ciri Keusahawanan	118
	• Komunikasi dan Promosi Produk	119

TEMA 2: EKSPLORASI SENI VISUAL

121

BAB 4: SENI HALUS

122

4.1	Seni Halus	123
4.2	Aplikasi Seni pada Lukisan	124
	Aplikasi Seni pada Catan	133
	Aplikasi Seni pada Cetakan	143
	Aplikasi Seni pada Arca	153
4.3	Ekspresi Kreatif pada Lukisan	159
	Ekspresi Kreatif pada Catan	162
	Ekspresi Kreatif pada Cetakan	165
	Ekspresi Kreatif pada Arca	170
4.4	Seni dalam Kehidupan	174

BAB 5: KRAF TRADISIONAL

178

5.1	Aplikasi Seni Kraf pada Seramik	180
	Aplikasi Seni Kraf pada Anyaman	187
5.2	Ekspresi Kreatif	200
5.3	Seni dalam Kehidupan	208

GLOSARI

209

INDEKS

210

PENDAHULUAN

Buku teks *Seni Visual Tingkatan 1, Sekolah Seni Malaysia (SSeM)* ini merupakan buku teks yang dihasilkan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) serta Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Seni Visual Tingkatan 1 yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Penulisan dalam buku teks ini memberikan fokus kepada usaha mencungkil dan mengembangkan bakat serta potensi murid supaya dapat mengamalkan kemahiran yang dipelajari. Kemahiran yang diperoleh akan dapat melahirkan murid yang berfikiran kreatif, dapat merasai dan memahami persekitaran mereka menerusi cara yang unik, inovatif dan kreatif.

Buku teks ini disediakan sebagai panduan murid. Pelbagai bentuk aktiviti disediakan untuk menguji kefahaman dan kebolehan murid bagi mencapai Kandungan dan Standard Pembelajaran yang telah ditetapkan. Guru boleh mengubah suai atau membina modul yang bersesuaian mengikut keperluan murid.

Kandungan buku teks ini meliputi dua tema dan lima bab berdasarkan empat fokus Standard Kandungan yang telah ditetapkan dalam KSSM. Empat fokus tersebut ialah:

- Persepsi Estetik
- Aplikasi Seni
- Ekspresi Kreatif
- Seni dalam Kehidupan

Setiap unit dalam buku teks ini menekankan penguasaan kemahiran berdasarkan empat fokus tersebut. Langkah-langkah penghasilan karya dipaparkan secara terperinci supaya mudah dirujuk dan digunakan oleh murid dan guru.

Marhanim binti Abdul Razak
Norliyanti binti Ithnain
Muhammad Nasir bin Illias



PENERANGAN IKON

Buku teks ini juga dipersembahkan melalui penggunaan ikon, ilustrasi, foto dan grafik bagi menarik minat murid. Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, ikon tertentu disediakan dalam setiap unit. Penerangan tentang ikon adalah seperti yang berikut:



INFO SENI

Memuatkan fakta atau maklumat tambahan.



AKTIVITI

Murid melakukan aktiviti pembelajaran.

KBAT

(Kemahiran Berfikir Aras Tinggi)
Menguji pemahaman dan mengukuhkan konsep yang telah dipelajari oleh murid.



PROJEK

Maklumat lengkap yang berkaitan dengan projek yang akan dilakukan.

INFO BAHASA

Maklumat penggunaan bahasa terkini dalam pembelajaran.



Cadangan Aktiviti

Menggalakkan murid membuat aktiviti berdasarkan teknik yang dipelajari.

NOTA GURU

NOTA GURU

Cadangan kepada guru tentang cara untuk melaksanakan aktiviti.



PROSES

Proses-proses sepanjang projek dilakukan.



QR CODE

Kod untuk mengakses sumber media elektronik.



Penjanaan Idea

Menggalakkan murid membuat aktiviti lain yang berkaitan.

1.1

1.1.1

STANDARD PEMBELAJARAN

Nombor Standard Pembelajaran yang berkaitan.



Bahasa Seni Visual

Bahasa seni visual melibatkan pemahaman tentang penggunaan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan karya seni.

Sumber:
Art Fundamental, 2006



BAB 1 UNSUR SENI

PENGENALAN

Unsur seni terdapat pada alam semula jadi dan pada objek buatan manusia. Unsur seni terdiri daripada enam elemen yang penting, iaitu garisan, rupa, bentuk, ruang, jalinan dan warna. Unsur seni merupakan elemen asas dalam penghasilan karya seni.



INFO SENI

Sesuatu hasil ciptaan seni terhasil melalui pelbagai elemen seperti bentuk, gaya, sifat, garisan, gerak, corak dan warna. Melalui hasil pengamatan pengkarya, maka terjelmalah hasil karya yang indah, unik dan menarik.

- Syed Ahmad Jamal, 1992

Sesebuah karya mempunyai bentuk, idea dan gaya yang tertentu. Penghasilan sesebuah hasil seni mempunyai peranan dan sumbangannya terhadap perkembangan sosiopolitik masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan budaya.

- Mulyadi Mahamood, 2008

"Hasil seni visual dihasilkan menggunakan deria luaran dan deria dalaman. Deria luaran melibatkan pengetahuan terhadap unsur seni dan prinsip rekaan dan disokong oleh penggunaan media dan teknik. Deria dalaman ialah perasaan atau mesej yang hendak disampaikan oleh pengkarya melalui penghasilan karya."

- Arnold Hauser, 1958 (Ahli Falsafah Seni)

"Seni visual ialah hasil karya yang indah dan dapat dinilai oleh deria penglihatan dan dihasilkan berdasarkan pemikiran yang kreatif. Seni visual juga dihasilkan kesan daripada peniruan, luahan emosi dan perasaan serta pengaruh sekeliling seperti pengaruh budaya."

- Johann Joachim Winckelmann, 1717 – 1769 (Sejarawan Seni)





UNSUR SENI PADA LUKISAN DAN ARCA

PENGENALAN

Unsur seni merupakan elemen asas dalam penghasilan karya seni visual. Bab 1 memberikan fokus kepada elemen unsur seni dalam penghasilan lukisan dan arca. Bab ini juga memberikan penekanan kepada kajian unsur seni yang terdapat pada alam semula jadi dan objek buatan manusia melalui aktiviti peniruan, penerokaan, kajian, portfolio dan apresiasi seni.

UNSUR SENI PADA LUKISAN

GARISAN PADA LUKISAN


DEFINISI

Garis ialah cantuman dari satu titik ke satu titik. Terdapat pelbagai jenis garis seperti garis putus-putus, garis tebal, garis beralun, garis bergetar, garis berduri dan garis serabut. Setiap jenis garis akan menghasilkan kesan imej yang berbeza-beza.




INFO SENI

Pelbagai jenis garis digunakan dalam menghasilkan lakaran. Garis dapat menggambarkan ekspresi pengkarya dalam penyampaian mesej.



Sambungan antara titik.




Titik pertemuan titik pertama dan titik akhir.

Garis dalam Lukisan

Terdapat pelbagai jenis garis yang boleh diaplikasikan dalam penghasilan lukisan.

Olahan garisan yang berbeza pada lukisan dapat mewujudkan pelbagai sifat.



Peta Buih: Sifat garisan

FUNGSI GARISAN

Garisan dapat menghasilkan rupa, corak, bentuk, ruang, jalinan dan tona. Garisan merupakan unsur seni utama yang digunakan dalam penghasilan sesebuah lukisan.



Garisan menghasilkan rupa ringkas.



Gabungan garisan menghasilkan bentuk.



Tambahan garisan pada imej untuk mewujudkan kesan jalinan.



Pelbagai jenis garisan dilukis untuk menghasilkan bentuk, jalinan dan tona.

PERSEPSI ESTETIK

Garisan di Persekitaran

Terdapat pelbagai garisan yang wujud di persekitaran kita. Garisan wujud di persekitaran semula jadi atau pada objek buatan manusia.

Persekitaran alam semula jadi ialah ciptaan Tuhan. Contohnya, flora, fauna dan kosmos. Persekitaran buatan manusia pula mengandungi objek buatan manusia. Objek buatan manusia merujuk kepada semua hasil yang dicipta oleh manusia. Contohnya, perabot, kenderaan dan bangunan.



AKTIVITI

Berdasarkan pemerhatian, lukiskan pelbagai jenis garisan yang terdapat di persekitaran dengan memberikan penekanan pada peniruan dan penerokaan terhadap objek.


Bincangkan kesan yang wujud bersama-sama dengan guru. Dokumentasikan hasil lakaran dalam bentuk *thumbnail*.



Bunga pokok semalu.



Lukisan bunga pokok semalu.



Penerokaan pelbagai jenis olahan garisan dan rupa ringkas yang diperolehi daripada lukisan peniruan bunga semalu.

NOTA GURU

Lukisan dilakukan melalui kaedah peniruan objek semula jadi di persekitaran. Lukisan menggunakan pelbagai jenis garisan untuk menghasilkan kesan pada permukaan imej.

Garisan pada Objek Buatan Manusia

Pelbagai garisan terdapat pada persekitaran buatan manusia seperti dawai pada pagar, bangunan dan tiang lampu. Pelbagai jenis garisan dapat menghasilkan kesan yang berbeza-beza.



Gelas kaca.



Garisan yang berbeza saiz dan ketebalan dapat menunjukkan kesan permukaan yang licin.



Garisan digunakan untuk menunjukkan struktur bentuk sesuatu objek.



Perbezaan jenis garisan dapat menghasilkan kesan permukaan yang berbeza.

RUPA PADA LUKISAN




DEFINISI

Rupa ialah pertemuan antara titik mula dengan titik akhir. Rupa bersifat dua dimensi (2D) atau rata. Rupa tidak mempunyai jisim atau isi padu.



INFO SENI

Kebanyakan rupa pada objek semula jadi berbentuk organik, manakala rupa pada objek buatan manusia berbentuk geometri.



Fungsi Rupa


Rupa dalam lukisan berfungsi sebagai pembahagian satah sesuatu objek yang dilukis. Gabungan rupa dalam sesebuah lukisan akan menghasilkan bentuk.




Kombinasi rupa dapat menghasilkan bentuk tertentu.

Jenis Rupa

Rupa terbahagi kepada dua, iaitu rupa geometri dan rupa organik. Rupa geometri bersudut dan bersempadan tetap, manakala rupa organik adalah bebas dan tidak mempunyai sudut.




Rupa Geometri



Rupa Organik

Olahan Rupa

Rupa terbahagi kepada dua bentuk olahan, iaitu rupa positif dan rupa negatif.



Peta Pokok: Olahan rupa



AKTIVITI

Berdasarkan imej di bawah, lakarkan seberapa banyak rupa yang diperoleh dari pelbagai sudut. Bandingkan lakaran tersebut dengan lakaran yang dihasilkan oleh rakan anda.



Rupa pada Objek Alam Semula Jadi

Pelbagai rupa dapat diperoleh daripada persekitaran alam semula jadi dan objek buatan manusia. Olahan rupa alam semula jadi dapat dilihat pada imej yang ditunjukkan di bawah.



Imej sebenar daun betik.



Rupa objek alam semula jadi.




Rupa pada Objek Buatan Manusia



Imej sebenar meja.



Rupa objek buatan manusia.




Contoh aktiviti peniruan pada objek persekitaran dan penerokaan rupa yang terdapat pada imej tersebut.

BENTUK PADA LUKISAN

DEFINISI

Bentuk ialah objek yang mempunyai isi padu dan jisim. Bentuk terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bentuk konkrit dan bentuk ilusi seperti yang digambarkan pada peta pemikiran di sebelah.




Fungsi Bentuk

Bentuk merupakan aspek penting untuk menggambarkan sesuatu objek dalam sesebuah lukisan. Bentuk digambarkan pada lukisan bertujuan untuk memperjelas imej pada sesuatu bahagian atau secara menyeluruh sesuatu objek. Untuk menggambarkan bentuk pada lukisan, beberapa elemen penting dalam unsur seni seperti garisan, rupa, jalinan serta kesan cerah dan gelap dimasukkan.


Bentuk Lukisan Menggunakan Perspektif dan Garisan Kontur

Bentuk objek dari alam semula jadi



Garisan perspektif dan garisan kontur yang boleh diaplikasikan dalam penghasilan lukisan.

Bentuk Objek dari Objek Buatan Manusia



Melukis bentuk asas.

Menambahkan bentuk.

Garisan struktur diperincikan.

Kesan tona dimasukkan untuk menggambarkan bentuk yang lebih jelas.

Sumber Bentuk

Bentuk dalam lukisan boleh digambarkan dengan berdasarkan dua sumber utama, iaitu bentuk pada alam semula jadi dan bentuk pada objek buatan manusia.

Bentuk pada Objek Alam Semula Jadi



Bentuk konkrit yang terdapat pada alam fizikal.



Bentuk ilusi gajus.

Bentuk pada Objek Buatan Manusia



Bentuk konkrit yang terdapat pada alam fizikal.



Bentuk ilusi kerusi.

NOTA GURU

Perbezaan kesan jalinan dan kesan tona dapat menimbulkan bentuk ilusi yang lebih jelas.

JALINAN PADA LUKISAN

DEFINISI

Jalanan ialah kesan sesuatu permukaan. Jalanan terdiri daripada dua jenis, iaitu jalinan sentuh dan jalinan tampak. Jalanan sentuh ialah kesan sesuatu permukaan yang dapat dilihat dan disentuh. Jalanan tampak pula ialah permukaan yang hanya dapat dilihat.

Terdapat pelbagai jenis jalinan seperti jalinan berduri, lembut, kasar dan licin. Jalanan mempunyai fungsi tertentu. Contohnya, jalinan pada tayar berfungsi untuk kesan cengkaman, duri pada badan landak berfungsi untuk perlindungan pemangsa, dan jalinan tampak pada rama-rama bertujuan untuk menarik perhatian dan kesan estetik.


Contoh Jalanan pada Lukisan



Terdapat pelbagai cara untuk menghasilkan jalinan pada lukisan.

Fungsi Jalanan

Setiap jalinan pada sesuatu objek mempunyai fungsi tertentu. Contohnya, jalinan yang terdapat pada rama-rama bertujuan untuk menarik perhatian dan nilai estetik, manakala jalinan pada tayar kereta pula berfungsi sebagai cengkaman.



Jalanan tampak yang terdapat pada lukisan rama-rama.




Jalanan sentuh yang terdapat pada permukaan tayar.

Jalinan pada Objek Alam Semula Jadi



Jalinan sentuh yang terdapat pada buah oren.



Jalinan tampak melalui teknik lukisan dengan menggunakan pen.

Sumber Jalinan

Jalinan terdapat pada objek alam semula jadi dan buatan manusia.



Jalinan sentuh yang terdapat pada buah durian.




Jalinan tampak yang terdapat pada buah durian dan isi dengan menggunakan teknik lukisan pen.

Jalinan pada Objek Buatan Manusia



Jalinan sentuh anyaman buluh.



Jalinan tampak melalui teknik gosokan.



Jalinan sentuh yang terdapat pada seterika lama.



Jalinan tampak melalui teknik lukisan.



AKTIVITI

Dengan menggunakan pemahaman anda dalam unsur seni, lakarkan kembali imej jalinan tampak di bawah.



Lukisan jalinan tampak dengan menggunakan pen.



Lukisan jalinan tampak dengan menggunakan *oil pastel*.



Lukisan jalinan tampak dengan menggunakan pensel warna.



Lukisan jalinan tampak dengan menggunakan arang (charcoal).


WARNA PADA LUKISAN

DEFINISI

Warna wujud melalui pantulan cahaya pada sesuatu permukaan. Warna dikesan apabila cahaya jatuh pada permukaan objek dan memberikan refleksi kepada mata manusia.


Warna terbahagi kepada tiga komponen yang penting, iaitu warna primer, warna sekunder dan warna tertier.

Roda Warna



Suhu Warna

Warna mempunyai suhu, iaitu warna panas dan warna sejuk. Suhu warna dapat mempengaruhi pengkarya dalam berkarya. Contohnya, suhu panas dapat memberikan kesan tenaga atau perasaan marah, manakala suhu sejuk memberikan gambaran ketenangan.



Lukisan yang menggunakan warna panas.



Lukisan yang menggunakan warna sejuk.

PERSEPSI ESTETIK


Nilai Warna

Nilai warna bermaksud kesan pancaran sesuatu warna. Campuran warna hitam, coklat atau biru gelap dapat menurunkan kekuatan pancaran warna.



Warna Sewarna

Warna sewarna ialah persamaan warna tetapi mempunyai kadar cerah dan gelap yang berbeza. Warna putih dicampurkan untuk mendapatkan kesan cerah dan warna hitam dicampurkan untuk mendapatkan kesan gelap.



Warna Penggenap

Warna penggenap ialah warna yang bertentangan dalam roda warna. Penggunaan warna penggenap dalam karya dapat menimbulkan kesan kontra dan penegasan.

Warna dalam Lukisan



Warna yang terdapat pada lukisan alam semula jadi.




Warna yang terdapat pada lukisan objek buatan manusia.

RUANG DALAM LUKISAN

DEFINISI

Ruang ialah jarak di antara objek yang mempunyai rongga dan wujud secara nyata atau ilusi. Ruang nyata (fizikal) wujud di persekitaran objek buatan manusia dan alam semula jadi, manakala ruang ilusi merupakan ruang yang wujud pada permukaan dua dimensi seperti lukisan dan catan.



Olahan Ruang Fizikal dalam Lukisan



Lukisan yang menggambarkan ruang terbuka.



Lukisan yang menggambarkan ruang tertutup.

Olahan Ruang Ilusi dalam Lukisan



Ruang rata ialah jarak di antara objek rata.



Ruang cetek ialah jarak di antara objek dengan latar dekat.



Ruang dalam ialah jarak di antara objek dengan latar jauh.

PERSEPSI ESTETIK

Ruang Perspektif

Ruang perspektif melibatkan jarak di antara objek atau imej yang menggunakan kesan ilusi tiga dimensi. Untuk menggambarkan ruang perspektif, pengkarya perlu memahami aras mata dan titik lenyap.

Aras mata ialah paras kedudukan mata yang melihat sesuatu objek. Perbezaan paras kedudukan mata akan memberikan gambaran imej yang berbeza.



Titik lenyap ialah titik pertemuan garisan perspektif.



AKTIVITI


Apakah elemen yang berubah jika sebatang pokok berada sangat jauh dengan anda?

Bincangkan pernyataan di atas bersama-sama dengan guru anda.




Kedudukan imej kotak mengikut paras mata dan kedudukan dua titik lenyap.


Terdapat tiga jenis perspektif, iaitu perspektif satu titik lenyap, perspektif dua titik lenyap dan perspektif tiga titik lenyap.



Perspektif satu titik lenyap.




Perspektif dua titik lenyap.



Perspektif tiga titik lenyap.

Pembahagian Ruang dalam Karya

Ruang depan ialah objek yang mempunyai kedudukan paling hadapan, diikuti dengan objek yang terdapat di bahagian tengah dan di bahagian paling belakang. Pembahagian ruang dalam olahan karya dapat mewujudkan kesan ruang ilusi yang lebih jelas.



Ruang belakang
(objek kelihatan kabur)

Ruang tengah
(objek kelihatan sederhana kabur)

Ruang hadapan
(objek kelihatan terang dan jelas)

UNSUR SENI PADA ARCA

GARISAN PADA ARCA

Garisan boleh diaplikasikan dengan menggunakan pelbagai media dalam penghasilan arca. Contohnya, garisan menggunakan dawai, kayu atau besi.

Pelbagai jenis garisan boleh diaplikasikan pada penghasilan arca seperti garisan rawak dan garisan lurus.



Arca yang menggunakan garisan rawak.



Arca yang menggunakan garisan lurus.

Penggunaan garisan di dalam arca boleh diaplikasikan kepada arca yang menggunakan imej alam semula jadi atau benda buatan manusia sebagai sumber idea.



Arca yang menggunakan udang sebagai sumber idea.



Arca yang menggunakan tiang lurus sebagai sumber idea.

RUPA PADA ARCA

Rupa dalam arca diaplikasikan daripada imej dua dimensi kepada bentuk tiga dimensi.



Rupa organik daripada alam semula jadi digunakan untuk membentuk arca timbulan.



Rupa manusia digunakan dalam pembentukan arca binaan.

Rupa positif dalam penghasilan arca melibatkan bentuk arca, manakala rupa negatif dalam pembentukan arca melibatkan ruang luar arca.



Rupa positif arca.



Rupa negatif arca.




Sila imbas

PERSEPSI ESTETIK

Rupa alam semula jadi dalam pembentukan arca.



Rupa tumbuhan pada arca timbunan.



Rupa wajah manusia yang dipermudah pada arca binaan.

Rupa objek buatan manusia dalam pembentukan arca.



Rupa geometri pada arca binaan.



Rupa huruf pada arca binaan.

BENTUK PADA ARCA

Bentuk dalam arca memainkan peranan yang penting. Bentuk yang terlibat dalam penghasilan arca ialah bentuk konkrit kerana bentuk tersebut wujud pada alam nyata.



Lukisan arca wujud dalam bentuk ilusi.



Arca sebenar wujud pada alam nyata.

Penghasilan arca menggunakan pelbagai sumber idea dari alam semula jadi dan benda buatan manusia.



Arca luakan yang menggunakan itik sebagai sumber idea.



Arca tambahan yang menggunakan bentuk kuboid sebagai sumber idea.




Bentuk alam semula jadi pada arca.




Bentuk objek buatan manusia pada arca.

Contoh Pengolahan Idea daripada Lukisan kepada Arca



Lakaran asas 1.



Lakaran asas 2.



Lakaran asas 3.



Lukisan/lakaran awal.



Lukisan komposisi.



Arca daripada komposisi 1.



Ihsan: Karya pelajar FSSR, UiTM
Arca daripada komposisi 2.

JALINAN PADA ARCA

Jalinan pada arca ialah kesan sesuatu permukaan arca. Jalinan pada arca terdiri daripada dua jenis, iaitu jalinan tampak dan jalinan sentuh. Jalinan tampak ialah kesan sesuatu permukaan arca yang hanya dapat dilihat, manakala jalinan sentuh pada permukaan arca ialah kesan permukaan yang dapat dilihat dan disentuh.



Jalinan tampak yang terdapat pada arca dapat dilihat melalui corak belang pada permukaan.



Jalinan sentuh yang terdapat pada arca dapat dilihat melalui kesan kasar yang terdapat pada permukaan.

Jalinan pada arca mempunyai fungsi sebagai hiasan atau kegunaan tertentu. Contohnya, jalinan tampak berfungsi sebagai hiasan, manakala jalinan sentuh berfungsi sebagai cengkaman.

Penghasilan jalinan pada arca merujuk kepada dua sumber idea utama, iaitu peniruan jalinan dari alam semula jadi dan peniruan jalinan pada objek buatan manusia.



Arca luakan yang menggunakan imej jalinan daripada daun sebagai sumber idea.



Arca binaan yang menggunakan jalinan daripada barangan terpakai.

WARNA PADA ARCA

Terdapat pelbagai jenis warna yang digunakan pada arca. Contohnya, warna primer, warna sekunder dan warna tertier.

Penggunaan warna pada arca juga boleh bersumberkan warna bahan asal yang digunakan. Contohnya, warna asal besi, kayu dan barangan terpakai.

Warna pada arca akan menjadikan sesebuah arca lebih menarik.



Pelbagai warna yang terdapat pada arca instalasi menjadikan karya lebih menarik.



Warna asal, iaitu warna kayu pada arca timbulan memberikan kesan natural.

Warna boleh diaplikasikan pada arca yang menggunakan alam semula jadi atau benda buatan manusia sebagai idea utama.



Warna yang terdapat pada arca binaan yang menggunakan alam semula jadi sebagai idea utama.



Warna yang terdapat pada arca mobail yang menggunakan objek buatan manusia sebagai idea utama.

RUANG PADA ARCA

Arca wujud di dalam ruang fizikal. Arca boleh ditempatkan di ruang terbuka dan di ruang tertutup.



Arca yang ditempatkan di ruang terbuka.



Arca yang ditempatkan di ruang tertutup.

Perspektif dalam Arca



Arca binaan yang dibentuk dengan binaan ruang perspektif satu titik lenyap.



Arca binaan yang mengaplikasikan bentuk kubus dengan pandangan ruang perspektif dua titik lenyap.

KBAT

Hasilkan lakaran idea arca yang bertemakan budaya tradisional di Malaysia.



LUKISAN

Lukisan ialah hasil karya yang mengaplikasikan unsur garisan yang menggunakan media kering untuk menimbulkan kesan cerah atau gelap pada hasil karya.



Peta Bulatan: Definisi lukisan

INFO SENI

Pemadam boleh digunakan sebagai media tambahan dalam penghasilan lukisan untuk memberikan kesan cahaya atau bentuk objek dengan lebih terperinci.




Sila imbas

Penerokaan Media dan Teknik dalam Lukisan


Media/bahan dan kesan




Pensel




Arang (charcoal)



Pensel teknikal/
pen teknikal



Pastel (oil pastel)



Pastel (soft pastel)



Pensel warna



Teknik Lukisan




Teknik contengan rawak (scribbles).




Teknik titik (pointilism).



Teknik garisan silang/pangkah (cross hatching).



Teknik garisan selari (parallel).



Teknik goresan halus.



Teknik gosokan.




Teknik goresan kasar.




Teknik lorekan (shading).

Teknik Lukisan dalam Membentuk Objek




Penggunaan pelbagai jenis garisan dalam menghasilkan jalinan sesuatu permukaan.


Teknik tekanan untuk menghasilkan jalinan pada permukaan.




Gosokan pada bekas plastik



Gosokan pada tali




Gosokan pada daun




Gosokan pada kain



Gosokan pada anyaman buluh




Gosokan pada nyiru



Gosokan pada bakul anyaman plastik




Gosokan pada tembikar



Seni merentas kurikulum


Jantung merupakan organ yang paling penting dalam tubuh badan kita. Setiap bahagian jantung mempunyai fungsinya yang tertentu. Gambar menunjukkan nama bahagian jantung.



AKTIVITI

Lukiskan objek di sekeliling anda dengan mengaplikasikan teknik yang telah dipelajari.

Media dan Teknik Lukisan



Pensel



Teknik lorekan dapat menunjukkan bentuk melalui kesan tona.



Arang (charcoal)



Teknik gosokan dapat menunjukkan bentuk objek dan jalinan yang terdapat pada permukaan objek.



Pen teknikal



Teknik garisan selari menunjukkan pelbagai jenis garisan dan rupa.

APLIKASI SENI



Pastel (oil pastel)



Teknik gosokan menunjukkan bentuk ilusi yang jelas serta jalinan yang berbeza pada dua objek.



Pensel warna



Teknik lorekan menggunakan pensel warna dapat menunjukkan kesan tona pada warna dan perbezaan ruang hadapan, tengah dan belakang.



Pastel (soft pastel)



Kesan lorekan menggunakan pastel dapat menunjukkan kesan jalinan yang jelas pada imej.

ARCA

DEFINISI

Arca bermaksud hasil seni yang bersifat tiga dimensi. Arca wujud pada ruang sebenar. Penghasilan arca melibatkan pelbagai teknik seperti arca binaan, arca mobail, arca timbulan, arca kinetik, arca instalasi, arca asemblaj dan arca stabail.



Peta Bulatan: Definisi arca

Arca berfungsi



Arca teknik ukiran berfungsi untuk ritual.



Arca berfungsi bagi kaum peribumi.

Arca estetik



Arca mobail berbentuk origami untuk hiasan.



Arca awam untuk nilai estetik.

Penerokaan Media dan Teknik dalam Arca

Media dan kaedah



Media kertas dengan kaedah lipatan.



Media tanah liat dengan kaedah picitan.



Media kayu dengan kaedah ukiran/luakan.

Produk/karya



Origami



Arca stabail



Arca luakan



AKTIVITI

Berdasarkan gambar rajah di bawah, bincangkan media, teknik dan proses dalam penghasilan arca.



EKSPRESI SECARA KREATIF

LUKISAN

Penjanaan Idea 1




Menjana idea dan mencari konsep lukisan

- Membuat pemerhatian terhadap hal benda (subject matter) dari pelbagai sudut pandangan.
- Berdasarkan pemerhatian tersebut, hasilkan lakaran dengan menekankan unsur-unsur seni yang terdapat pada hal benda.

Projek 1

Penjanaan Idea: Pemerhatian, kajian lapangan, lakaran
 Konsep: Lukisan realistik
 Jenis Lukisan: Lukisan kajian
 Media: Pensel/pensel warna atau pastel
 Teknik: Silang pangkah/garisan selari dan lorekan



INFO SENI

Bagaimanakah hendak menjanakan idea?

- Peniruan
- Temu bual
- Pembacaan
- Pemerhatian
- Eksperimentasi

Apakah konsep?

Konsep ialah gabungan ciri yang mewujudkan sesuatu idea.

Gaya

Gaya ialah cara penampilan olahan imej seperti gaya realistik, separa abstrak atau abstrak.

Teknik

Teknik ialah cara atau kaedah menghasilkan karya.




PROSES PENGHASILAN KARYA

Proses melukis

Fokus kajian garisan, rupa, jalinan dan bentuk.




Fokus kajian




1. Melakarkan secara asas hal benda (subject matter).




2. Melakarkan garisan luar objek.



3. Melakarkan bentuk hal benda.



4. Memperincikan bentuk lakaran hal benda.



5. Memasukkan kesan jalinan.



6. Memasukkan kesan tona dengan lebih terperinci.

**KAJIAN REKA LETAK DAN MEDIA****Fokus kajian:**

1. Garisan
2. Bentuk
3. Media: Pensel

**Fokus kajian:**

1. Garisan
2. Jalinan
3. Bentuk
4. Media: Pen






KAJIAN REKA LETAK DAN MEDIA

Fokus kajian:

1. Garisan
2. Jalinan
3. Bentuk
4. Cahaya
5. Media: Arang



Fokus kajian:

1. Jalinan
2. Bentuk
3. Warna
4. Media: Pensel warna



EKSPRESI SECARA KREATIF

ARCA



EKSPRESI KARYA ARCA/PRODUK

1. Pemilihan hal benda
2. Kajian hal benda
3. Penjanaan idea berdasarkan hal benda



Pucuk paku.



Sulur pucuk paku.



Bunga kemboja.



Daun bunga kemboja.



PROSES 2



NOTA GURU


Murid perlu mendokumentasikan penjaanaan idea.

Penjanaan Idea



Perkembangan idea untuk arca lampu hiasan.

LAKARAN KAJIAN IMEJ



Imej yang dipilih untuk karya akhir

EKSPRESI KREATIF

Kajian awal



Kajian idea menggunakan garisan



Kajian idea menggunakan unsur bentuk



Kajian idea menggunakan rupa



Perkembangan idea berdasarkan kajian yang dipilih.



Imej yang dipilih untuk karya akhir

Kajian yang dipilih

Perkembangan idea 1

Perkembangan idea 2

Perkembangan idea 3

Perkembangan idea 4

Kajian bentuk arca

Pelbagai lakaran bentuk arca juga dikaji agar dapat menghasilkan karya yang kreatif. Anda hendaklah berbincang dengan guru untuk memilih bentuk yang sesuai dan berkualiti.



Bentuk arca yang dipilih



PROSES PENGHASILAN KARYA

Proses menghasilkan arca dilakukan dengan merujuk gambar rajah di bawah.



1. Potong kertas mengikut rupa yang dikehendaki.



2. Kertas yang sudah siap dipotong.



3. Kertas yang telah siap diwarnakan.



4. Sediakan gelas atau silinder kaca.



5. Kemaskan lekatan kertas.



6. Arca bekas lilin yang telah siap.




HASIL AKHIR



Nyalakan lilin.



Letakkan arca.



Sudut pandangan atas.



Sudut pandangan sisi.



APRESIASI

Apresiasi ialah penghargaan serta pengiktirafan pada sesuatu karya. Apresiasi dalam seni visual bermaksud memahami dan menilai sesebuah karya melalui pemahaman dan huraian yang berkaitan dengan aspek tertentu.






INFO SENI

Seni tradisional ialah pewarisan sesuatu kebudayaan dari satu generasi ke satu generasi.

Gaya

Gaya ialah cara penampilan dan paparan ciri-ciri tertentu pada sesebuah karya. Gaya disampaikan melalui cara yang berikut:

Gaya	Ciri-ciri	Contoh karya
Realistik	Objek atau imej dalam karya digambarkan secara sempurna seolah-olah gambaran objek sebenar.	
Separa abstrak	Imej asal diubah suai atau dipermudah. Namun demikian, imej yang dilukis masih dikenali.	
Abstrak	Imej dalam sesebuah karya dipermudah atau diubah suai sehingga imej sukar dikenali sifat asalnya.	

SENI DALAM KEHIDUPAN

Terdapat tiga aliran utama dalam gaya penghasilan karya, iaitu aliran tradisional, aliran moden dan aliran pascamoden.

Aliran tradisional	Gaya yang wujud sejak turun-temurun seperti kraf songket, anyaman dan ukiran. Gaya ini menggunakan media dan teknik yang sama sejak turun-temurun.
Aliran moden	Cara dan gaya baharu dalam penghasilan karya yang individualistik dan penghasilan mementingkan ekspresi.
Aliran pascamoden	Gaya yang mempunyai tema yang lebih global seperti tema budaya dan kemanusiaan.

Budaya visual

Perkara	Ciri-ciri
Ruang	Ruang ialah sesuatu yang berkaitan dengan faktor masa, persekitaran dan peristiwa. Masa ialah zaman atau tarikh sesuatu karya dihasilkan. Persekitaran ialah situasi yang wujud, manakala peristiwa ialah masa lampau atau perkara yang lepas.
Karyawan	Orang yang banyak menghasilkan karya dan terkenal dalam bidang yang diceburi.
Makna	Mesej yang ingin disampaikan oleh pengkarya kepada khalayak. Contohnya, semangat cinta akan negara dapat disampaikan melalui imej bendera Malaysia dalam karya.
Fungsi	Kegunaan sesuatu karya seni. Contohnya, kerusi digunakan sebagai tempat duduk, manakala papan tanda berfungsi sebagai penunjuk arah.



INFO SENI

Apabila berada di dalam galeri, anda hendaklah mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak galeri. Contohnya, tidak membuat bising, tidak menyentuh karya dan tidak membawa barangan seperti beg, payung dan alat yang boleh merosakkan karya yang dipamerkan.

Melawat galeri

Nyatakan pendapat anda berkaitan dengan karya yang terdapat di situ. Jangan lupa untuk mendapatkan katalog bagi mendokumentasikan karya pilihan anda.



Sila imbas

Karya yang dipamerkan di Muzium De Louvre, Paris.



Karya yang dipamerkan di Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.



Karya produksi SPM Sekolah Seni Malaysia yang dipamerkan di Muzium Seni, Universiti Malaya.



AKTIVITI

Berdasarkan sebuah karya lukisan, bincangkan gaya, ruang, makna, nilai dan fungsi yang wujud pada karya tersebut dan bentangkan.

Mengenal karya pelukis tempatan

Amron Omar



Pelukis: Amron Omar
Tajuk: *Self Portrait*
Tahun: 1982
Media: *Oil pastel*
(Koleksi tetap LPSVN)



Sila imbas



APRESIASI UNSUR SENI DALAM KARYA

Karya menggambarkan bentuk ilusi tiga dimensi. Bentuk figura ialah imej realistik. Terdapat penggunaan ruang yang jelas, iaitu ruang hadapan, tengah dan belakang.

Imej mewujudkan penegasan pada figura yang menekankan aspek pergerakan.

- Gaya:** Gaya yang ditonjolkan ialah gaya realistik yang bermaksud peniruan berdasarkan keadaan sebenar.
- Ruang:** Ruang berkisar tentang kehidupan orang Melayu ketika itu.
- Makna:** Lukisan ini menonjolkan bentuk tubuh badan manusia (anatomi) dengan secara jelas dengan kadar banding yang tepat melalui penekanan unsur seni yang sangat kemas seperti garisan, jalinan, bentuk dan ruang.
- Nilai:** Lukisan ini menunjukkan nilai ketimuran melalui pemakaian kain pelikat.
- Fungsi:** Karya ini memaparkan realiti kehidupan pelukis.




AKTIVITI

- Kumpulkan keratan akhbar imej-imej yang berkaitan dengan budaya tempatan.
- Lakarkan satu daripada imej yang diperolehi dengan menekankan gaya realistik. Gunakan media pensel atau arang untuk menggambarkan imej tersebut.
- Hasilkan pembentangan ringkas berkaitan dengan imej yang dipilih serta jelaskan penggunaan unsur seni yang digunakan dalam objek lukisan peniruan tersebut.

Mengenal lukisan pelukis terkenal dunia

Rembrandt Harmenszoon van Rijn



Pelukis: Rembrandt Harmenszoon van Rijn
Tajuk: *Hansken*
Tahun: 1637
Media: Kapur



APRESIASI UNSUR SENI DALAM KARYA

Pelbagai jenis garisan digunakan untuk menggambarkan bentuk tiga dimensi pada objek. Garisan juga digunakan untuk menggambarkan jalinan yang terdapat pada badan gajah. Garisan yang digunakan ialah garisan silang pangkah, beralun, zig-zag dan garisan putus-putus.

Lukisan ini menggunakan ruang cetek.

- Gaya:** Gaya yang digunakan ialah realistik. Olahan imej dilukis menyerupai imej sebenar. Karya ini ialah lakaran yang telah dihasilkan oleh pelukis terkenal dari Belanda, iaitu Rembrandt Harmenszoon van Rijn. Karya beliau bercirikan aliran moden.
- Ruang:** Karya ini memaparkan imej kajian pelukis yang dihasilkan pada tahun 1637. Lukisan ini menggambarkan imej seekor gajah betina istimewa yang bernama Hansken. Gajah ini dilahirkan di Ceylon dan dibawa ke Amsterdam pada tahun 1637. Gajah ini dianggap istimewa kerana berjaya menghiburkan penonton dalam persembahan sarkas ketika itu.
- Nilai:** Karya ini memaparkan sanjungan pelukis kepada seekor gajah yang mempunyai hubungan baik dengan manusia. Selain itu, karya ini ialah gambaran keharmonian antara manusia dengan alam sekitar.
- Makna:** Lukisan ini merupakan kajian pelukis terhadap pemahaman pada kadar banding seekor gajah dan jalinan tampak pada badan gajah. Imej dilukis menggunakan garisan untuk menghasilkan bentuk.
- Fungsi:** Lukisan ini menggambarkan sanjungan pelukis dan rakaman peristiwa tentang seekor gajah yang dianggap istimewa dalam kalangan masyarakat ketika itu. Lukisan ini juga menjadi bahan sejarah untuk dikaji.



AKTIVITI

Dengan menggunakan garisan ringkas, lakarkan objek yang berada di persekitaran anda dalam masa 20 minit. Bincangkan kadar banding dan kualiti garisan yang telah dihasilkan bersama-sama dengan guru.

Mengenal pengarca tempatan

Bayu Utomo Radjikin



Pengarca: Bayu Utomo Radjikin
Tajuk: *Bujang Berani*
Tahun: 1991
Media: Besi dan plaster Paris
Sumber: Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)



APRESIASI UNSUR SENI DALAM KARYA

Karya berbentuk tiga dimensi. Arca ini berbentuk konkrit. Warna yang digunakan ialah warna asal daripada media, iaitu besi dan plaster Paris. Terdapat pelbagai jenis garisan pada bahagian atas arca yang berbentuk hiasan di kepala. Jalinan sentuh terdapat pada permukaan muka, hiasan kepala dan baju.

- Gaya:** Gaya yang digunakan dalam karya ini ialah separa abstrak. Imej ini telah dipermudah daripada bentuk asal. Karya ini menggunakan gaya aliran pascamoden yang mempunyai olahan bentuk yang mementingkan makna.
- Ruang:** Karya ini dihasilkan pada tahun 1991. Arca ini memaparkan imej manusia yang dikenali sebagai Bujang Berani. Bujang Berani ialah pahlawan yang dikenali dalam kalangan suku Iban yang berani bertempur dengan musuh sehingga titisan darah yang terakhir.
- Nilai:** Karya ini menerapkan semangat dan keberanian manusia yang perlu ada dalam diri setiap manusia.
- Makna:** Bujang Berani merupakan simbolik kepada nilai keberanian dan semangat manusia dalam kehidupan. Sifat kepahlawanan harus ada dalam diri setiap manusia untuk mencapai kejayaan dalam hidup.
- Fungsi:** Karya ini dikategorikan sebagai arca estetik.



AKTIVITI


Melalui kajian dan pemahaman anda terhadap penggunaan unsur seni dalam karya, pilih satu arca tempatan dan lakukan perbincangan bersama-sama dengan rakan di dalam kelas.

Mengenal pengarca luar negara

Henry Moore



Pengarca: Henry Moore
Tajuk: *Family Group* (Arca awam)
Tahun: 1950
Media: Logam



APRESIASI UNSUR SENI DALAM KARYA

Arca yang ditunjukkan ialah arca berbentuk tiga dimensi (3D). Arca ini mempunyai bentuk konkrit. Bentuk arca ialah olahan daripada tiga figura manusia. Bentuknya telah dipermudah. Warna yang digunakan ialah warna asli daripada media logam yang digunakan. Terdapat jalinan sentuh pada permukaan arca yang berperanan membentuk imej figura manusia.

- Gaya:** Gaya yang digunakan oleh pengarca ialah separa realistik. Imej arca ialah figura manusia yang dipermudah bentuknya.
- Ruang:** Karya ini dihasilkan pada tahun 1950 di Sekolah Barclay, Stevenage, Hertfordshire England. Arca memaparkan bentuk tiga orang manusia yang digambarkan sebagai sebuah keluarga.
- Nilai:** Nilai yang ditunjukkan dalam arca ini ialah sifat sayang-menyayangi dan nilai kekeluargaan yang baik di samping menyampaikan nilai pendidikan kepada manusia.
- Makna:** Arca memberikan mesej kekeluargaan dan pendidikan. Kekuatan masyarakat lahir daripada nilai kekeluargaan yang baik. Pendidikan penting bagi setiap ahli keluarga supaya dapat membentuk masyarakat yang cemerlang.
- Fungsi:** Arca ini ialah simbol pendidikan yang menjadi agenda penting untuk dimiliki oleh individu dan masyarakat bagi terus memajukan sesebuah negara. Arca ini dikategorikan sebagai arca estetik yang berfungsi sebagai hiasan.



PENGENALAN

Prinsip rekaan merupakan cara susunan sesuatu karya yang melibatkan pemilihan unsur seni dalam olahan tertentu. Olahan karya disusun secara sistematik menggunakan pengetahuan dalam prinsip rekaan, iaitu harmoni, penegasan,imbangan, kontra, ritma, kepelbagaian, pergerakan dan kesatuan.

Bab 2 memberikan fokus kepada prinsip rekaan dalam karya catan dan cetakan. Bab ini juga memberikan penekanan kepada kajian prinsip rekaan yang terdapat pada alam semula jadi dan objek buatan manusia melalui aktiviti peniruan, penerokaan, kajian, portfolio dan apresiasi seni.



BAB 2 PRINSIP REKAAAN



PRINSIP REKAAN PADA CATAN DAN CETAKAN

PRINSIP REKAAN PADA CATAN


HARMONI PADA CATAN

Harmoni ialah persamaan yang wujud dalam sesuatu kumpulan. Harmoni terdapat pada alam semula jadi dan objek buatan manusia.

Kesan harmoni pada alam semula jadi di persekitaran dapat memberikan kesan keselesaan dan ketenangan kepada manusia. Harmoni boleh terhasil daripada unsur seni seperti bentuk, warna dan jalinan.

Kesan Harmoni

Harmoni dapat memberikan pelbagai kesan imej pada sesebuah karya yang boleh diterangkan melalui peta pemikiran di bawah:



Susunan sel manusia mempunyai rupa yang harmoni.

Seni merentas kurikulum

Badan manusia terdiri daripada berbilion-bilion sel. Maka, pengkhususan sel adalah penting, iaitu bermaksud setiap sel mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri. Oleh sebab setiap jenis sel menjalankan fungsi yang tertentu, proses ini dinamakan pembahagian kerja.

Peta Buih: Kesan yang wujud daripada harmoni.

Olahan Imej Objek Alam Semula Jadi



Harmoni pada catan akrilik melalui penggunaan warna yang berulang serta jalinan yang sama.

Olahan Imej Objek Buatan Manusia



Harmoni pada catan akrilik melalui bentuk, tona warna serta komposisi yang kreatif.

 **PENEGASAN PADA CATAN**

Penegasan bermaksud fokus atau penumpuan. Penegasan menjadikan sesuatu imej lebih ketara atau lebih menarik perhatian. Sebagai contoh, penegasan boleh diwujudkan daripada perbezaan yang ketara dari segi warna, saiz dan bentuk.

Olahan Imej Objek Alam Semula Jadi



Penegasan pada catan cat minyak ditonjolkan melalui perbezaan saiz dan perbezaan warna imej dengan latar belakang.

Olahan Imej Objek Buatan Manusia



Penegasan pada karya catan melalui perbezaan rupa saiz gitar dengan latar belakang.

IMBANGAN PADA CATAN

Imbangan ialah perbandingan atau kesamaan antara dua bahagian. Imbangan terbahagi kepada dua jenis, iaitu imbangan simetri dan imbangan tidak simetri. Imbangan simetri ialah kesamaan antara dua bahagian, manakala imbangan tidak simetri merupakan dua bahagian tidak sama atau dikenali sebagai asimetri.

Imbangan Simetri



Olahan objek semula jadi pada catan cat air.

Imbangan Tidak Simetri



Olahan objek semula jadi pada karya catan.

KONTRA PADA CATAN

Kontra wujud apabila sesuatu elemen bercanggah atau berlawanan. Contohnya, kontra rupa, warna, jalinan dan saiz. Kesan kontra dapat menjadikan sesebuah karya lebih menarik.

Olahan Imej Objek Alam Semula Jadi



Kontra pada bentuk dan warna dalam karya catan cat air dapat menarik perhatian.

Olahan Imej Objek Buatan Manusia



Kontra warna pada karya lino dapat menjelaskan perbezaan imej dengan latar belakang.

Elemen Kontra



KBAT

Pada pendapat anda, bagaimanakah elemen kontra dapat menarik perhatian audiens kepada karya?



RITMA PADA CATAN

Ritma bermaksud perulangan imej, bentuk, rupa atau warna yang dapat mewujudkan kesan harmoni, rentak dan pergerakan.

Ritma pada Objek Alam Semula Jadi



Ritma pada karya catan cat air ditunjukkan melalui perulangan bentuk objek.

Ritma pada Objek Buatan Manusia



Ritma pada karya catan cat minyak ditonjolkan melalui perulangan bentuk.

KEPELBAGAIAN PADA CATAN

Kepelbagaian merujuk kepada unsur dan elemen yang berbeza dalam sesebuah karya seni visual. Kepelbagaian memerlukan komposisi atau gubahan yang baik agar karya tidak menjadi bosan dan statik.

Kepelbagaian pada Objek Alam Semula Jadi



Kepelbagaian pada karya catan cat air. Kepelbagaian ditunjukkan melalui olahan pelbagai garisan, bentuk, warna dan jalinan.

Kepelbagaian pada Objek Buatan Manusia



Kepelbagaian pada karya catan cat minyak. Kepelbagaian ditunjukkan melalui olahan pelbagai garisan, bentuk, warna dan jalinan.

PERGERAKAN PADA CATAN

Pergerakan dalam sesebuah karya seni dapat diwujudkan dengan perulangan dalam sesebuah imej. Imej yang berulang akan menimbulkan ilusi pergerakan. Pergerakan dapat diwujudkan dengan menggunakan elemen yang membawa mata audiens terarah kepada sesuatu.

Pergerakan pada Objek Alam Semula Jadi



Pergerakan pada karya catan cat air. Pergerakan ditunjukkan melalui teknik percikan air dan komposisi ikan lumba-lumba.

KBAT

Bagaimanakah imej ini dapat diolah untuk menampilkan elemen pergerakan audiens kepada karya?



Pergerakan pada Objek Buatan Manusia



Pergerakan pada karya catan cat minyak. Pergerakan ditunjukkan melalui teknik sapuan warna dan komposisi imej.

KESATUAN PADA CATAN

Kesatuan membawa maksud aplikasi unsur seni dan prinsip rekaan yang diolah secara bersesuaian dan dilihat secara menyeluruh.

Kesatuan pada Objek Alam Semula Jadi



Kesatuan pada karya catan akrilik ditunjukkan melalui perulangan bentuk objek, warna yang harmoni dan komposisi yang kreatif.

Kesatuan pada Objek Buatan Manusia



Kesatuan pada karya catan minyak ditunjukkan melalui kombinasi warna yang harmoni, perulangan bentuk dan penggunaan jalinan yang bersesuaian.

PRINSIP REKAAN PADA CETAKAN

HARMONI PADA CETAKAN

Harmoni pada karya cetakan dapat mewujudkan kesan keindahan dan kesepaduan. Harmoni wujud apabila terdapat gabungan elemen seperti jalinan, warna atau jenis imej disusun secara berkumpulan dan diolah secara bersesuaian.

Olahan Imej Objek Alam Semula Jadi



Harmoni pada cetakan kolagraf ini melalui penggunaan jalinan dan warna yang berulang.

Olahan Imej Objek Buatan Manusia




Harmoni pada cetakan kayu ditampilkan melalui penggunaan komposisi, jenis dan bentuk objek sekumpulan serta jalinan yang hampir sama.

PENEGASAN PADA CETAKAN

Penegasan dalam karya cetakan dapat dihasilkan apabila terdapat imej yang paling ketara, imej yang lebih besar atau sangat berbeza dengan imej yang lain. Penegasan dapat menjadikan sesebuah karya cetakan menjadi lebih menarik dan memberikan kesan tumpuan.

Olahan Imej Objek Alam Semula Jadi



Penegasan pada cetakan mono melalui perbezaan saiz dan warna imej dengan latar belakang.

Olahan Imej Objek Buatan Manusia




Penegasan pada karya cetakan mono melalui perbezaan dengan latar belakang.

IMBANGAN PADA CETAKAN


Kesanimbangan pada karya cetakan dapat mewujudkan kesan tarikan dan dapat menimbulkan kesatuan. Terdapat dua jenis kesanimbangan yang dapat dihasilkan pada karya cetakan, iaituimbangan simetri danimbangan tidak simetri.

Imbangan Simetri



Olahan objek pada karya lino.

Imbangan Tidak Simetri



Olahan objek buatan manusia pada karya cetakan saring sutera.

KONTRA PADA CETAKAN


Kontra pada cetakan dapat memberikan kesan menarik melalui penampilan elemen yang bercanggah seperti warna, saiz atau jalinan yang jelas berbeza. Kontra dapat menghasilkan penampilan imej sesebuah karya menjadi lebih jelas, menarik serta mengelakkan kebosanan.

Olahan Imej Objek Alam Semula Jadi



Kontra pada warna dalam karya saring sutera dapat menjelaskan bentuk tiga dimensi pada imej.

Olahan Imej Objek Buatan Manusia



Kontra warna pada karya cetakan saring sutera dapat menjelaskan bentuk objek.

RITMA PADA CETAKAN

Hasil karya cetakan yang menggunakan elemen ritma dapat mewujudkan kesan harmoni, rentak atau pergerakan secara ilusi. Ritma wujud apabila terdapat imej berulang yang disusun secara harmoni dalam sesuatu komposisi.

Ritma pada Objek Alam Semula Jadi



Ritma pada cetakan capan ditunjukkan melalui kesan cetakan yang berulang.

Ritma pada Objek Buatan Manusia



Ritma pada karya cetakan gurusan asid (etching) ditampilkan melalui perulangan kesan rupa dan bentuk objek.

KEPELBAGAIAN PADA CETAKAN

Kesan kepelbagaian dapat mewujudkan kesan tarikan pada audiens untuk melihat pelbagai kesan pada karya. Kesan kepelbagaian dapat mengelakkan kebosanan dalam menikmati sesuatu imej dalam cetakan dan menjadikan pengolahan sesebuah karya cetakan lebih variasi.

Kepelbagaian pada Objek Alam Semula Jadi



Kepelbagaian pada karya cetakan lino ini ditunjukkan melalui olahan pelbagai garisan, rupa, warna dan jenis objek.

Kepelbagaian pada Objek Buatan Manusia



Kepelbagaian pada karya cetakan kayu ini ditunjukkan melalui olahan pelbagai komposisi, rupa, bentuk, warna dan jalinan.

PERGERAKAN PADA CETAKAN

Pergerakan dalam karya cetakan dapat menimbulkan kesan ilusi bergetar atau bergerak. Kesan pergerakan dalam sesebuah karya cetakan juga dapat menjadikan mata audiens terarah pada sesuatu.

Pergerakan pada Objek Alam Semula Jadi



Pergerakan pada karya cetakan kayu ini ditunjukkan melalui olahan pelbagai jenis garisan, warna dan jalinan berulang yang membentuk ombak serta kesan visual yang bergetar dan seolah-olah bergerak.

Pergerakan pada Objek Buatan Manusia




Kepelbagaian pada karya cetakan kayu ini ditunjukkan melalui imej tiang jambatan, tiang bendera serta susunan sampan yang berulang dan dapat membawa mata khalayak terarah pada sesuatu.

KESATUAN PADA CETAKAN

Kesatuan pada imej cetakan dapat dihasilkan apabila elemen unsur seni disusun secara seimbang, harmoni dan bersesuaian antara satu sama lain. Kesatuan dapat menimbulkan kesan perpaduan dan ketenangan. Kesatuan dalam cetakan juga dapat dihasilkan apabila karya diolah bersesuaian dengan media, teknik, tema atau konsep yang digunakan dalam sesebuah karya.

Kesatuan pada Objek Alam Semula Jadi



Ihsan: FSSR, UiTM Shah Alam

Kesatuan pada karya cetakan kayu ditunjukkan melalui penggunaan tona warna yang berulang serta dapat membentuk imej wajah manusia yang sesuai dan ideal.

Kesatuan pada Objek Buatan Manusia



Ihsan: FSSR, UiTM Shah Alam


Kesatuan pada cetakan gurihan asid (etching) ditunjukkan melalui olahan komposisi bentuk bangunan yang ideal serta garisan, rupa dan tona yang sesuai untuk membentuk sebuah bangunan.



CATAN

DEFINISI

Catan ialah proses menghasilkan seni tampak dengan menggunakan bahan berwarna yang basah atau cat yang disapu di atas sesuatu permukaan yang rata. Catan merupakan hasil karya dua dimensi.



Peta Bulatan: Definisi catan

Media Catan

Catan menggunakan pelbagai jenis warna basah seperti warna air, warna poster, guac, akrilik, fresko dan tempera. Setiap media yang digunakan mempunyai perbezaan. Bahantara yang berbeza digunakan untuk mencairkannya.

Jenis warna	Butiran/sifat	Bahantara	Contoh kesan warna
Cat air	Warna mempunyai kesan lut sinar. Penggunaan warna sedikit kerana dicampur dengan air.	Air	
Cat poster	Warna mempunyai kesan legap dan lut sinar.	Air	
Cat akrilik	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai kesan legap. Boleh digunakan dengan banyak dan tebal. Bersifat hampir seperti cat minyak, tetapi berbeza bahantara. 	Air	
Cat minyak	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai kesan legap. Mengambil masa untuk kering. Pigmen warna yang lebih tebal. 	Minyak linsid/ turpentin	
Cat guac	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai kesan legap. Penggunaan warna tidak terlalu tebal. Mempunyai gabungan karakter warna air, tetapi bersifat legap. 	Air	



INFO SENI

Fresko

Fresko ialah warna tradisional. Fresko digunakan ketika permukaan dinding masih basah. Media ini banyak digunakan pada mural dinding gereja di kepulauan berhampiran Mediterranean. Media ini banyak digunakan pada tahun 1500 Sebelum Masihi.

Tempera

Tempera ialah warna tradisional yang digunakan sejak abad pertama Masihi. Pigmen warna dicampurkan dengan menggunakan kuning telur untuk menguatkan ikatan warna.

Teknik Campuran Warna dalam Catan Cat Air

Seseorang pengkarya haruslah memahami campuran warna terlebih dahulu sebelum menghasilkan catan cat air. Catan yang menggunakan campuran warna akan meninggalkan kesan naturalistik kepada imej yang dihasilkan. Contohnya, penggunaan warna sekunder dan warna tertier.



Campuran warna primer menghasilkan warna sekunder, dan campuran satu warna primer dan satu warna sekunder akan menghasilkan warna tertier.

Teknik Penghasilan Karya Catan Cat Air

Terdapat empat teknik utama dalam menghasilkan karya catan cat air, yaitu teknik kering di atas kering, kering di atas basah, basah di atas kering dan basah di atas basah.

Empat Teknik Utama

Kering di atas kering menggunakan warna tanpa campuran air dan disajikan pada permukaan kertas yang kering.



Kering di atas basah menggunakan warna tanpa campuran air dan disajikan di atas permukaan yang basah.



Basah di atas kering menggunakan warna yang basah di atas permukaan kertas yang kering.



Basah di atas basah menggunakan warna yang basah di atas permukaan kertas yang basah.



Penerokaan Teknik dalam Penghasilan Karya Catan Cat Air

Terdapat pelbagai teknik alternatif yang boleh digunakan dalam penghasilan karya catan cat air.



Teknik gurisan.



Teknik basah di atas kering.




Teknik sapuan warna di atas garisan lilin.



Teknik spirit di atas warna yang basah.




Teknik percikan.




Teknik tiupan.



Teknik percikan putih di atas warna yang basah.




Teknik taburan garam di atas permukaan warna basah.



Teknik kemarmaran (marbling).

Teknik Penghasilan Catan Cat Minyak

Terdapat pelbagai teknik catan cat minyak. Lukisan di bawah ialah hasil penggunaan cat minyak.



Pointilisme
Teknik titik-titik.



Impasto
Sapuan warna yang tebal dan mempunyai jalinan sentuh.



Glazing (Sepuh)
Sapuan selapis demi selapis memberikan kesan lut sinar.



Hard Edge (Catan Tepat)
Warna legap dan sapuan kemas.



Scumbling (Melembut)
Sapuan warna menghasilkan imej yang berjalina sederhana tebal dan kesan permukaan yang lembut.



Alla Prima
Warna yang digunakan kurang natural dan menggunakan teknik spontan.

NOTA GURU

Murid menghasilkan eksperimentasi catan dalam buku lakaran.



CETAKAN

DEFINISI

Cetakan ialah hasil seni yang menggunakan teknik terapan untuk menghasilkan imej yang sama berulang kali kecuali cetakan mono.



Peta Bulatan: Definisi cetakan


Karya Seni Cetak



Great Wave off Kanagawa
Katsushika Hokusai
1830 – 1833
Cetakan kayu



Self Portrait
Rembrandt
1630
Cetakan gurkan asid (etching)



The Hours of the Yoshiwara
Utagawa Kunisada
1818
Cetakan kayu

Jenis Cetakan

Cetakan Mono

- Cetakan yang dilakukan sekali sahaja.



Cetakan Timbul

- Lino (kepingan getah)
- Ukiran kayu/potongan kayu
- Kolagraf/kolograf



Cetakan Benam (Intaglio)

- Menggunakan teknik turisan atau gurusan asid pada plat logam.



Turisan (engraving)



Gurusan asid (etching)


Cetakan Stensil/Saring Sutera/Serigrafi

- Menggunakan teknik cetakan skrin atau stensil.




Cetakan Planografi/Litografi

- Cetakan menggunakan batu kapur.




Cetakan Mono


Mono berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud satu. Cetakan mono ialah cetakan yang dihasilkan sekali sahaja. Cetakan mono boleh dihasilkan dengan menggunakan media cetakan seperti akrilik, cat poster dan dakwat cetakan. Cetakan mono menghasilkan kesan spontan dan imej yang unik.



Kesan daripada goresan.



Kesan daripada kertas hiasan (doili).



Kesan kombinasi potongan kertas dan goresan.



Kesan kombinasi kertas hiasan dan goresan.



Kesan daripada rumput kering.



Kesan kombinasi potongan stensil dan goresan.



CATAN



Cadangan Aktiviti

Aplikasikan prinsip rekaan dalam penghasilan catan dan cetakan melalui:

- i. Penjanaaan idea
- ii. Penentuan konsep
- iii. Pelaksanaan proses
- iv. Kemasan karya

Projek 1

Penjanaaan Idea: Pemerhatian, kajian lapangan, lakaran

Konsep: Realistik

Jenis Catan: Catan cat air

Media: Cat air

Teknik: Kering di atas kering, kering di atas basah, basah di atas kering dan basah di atas basah

Tema: Alam semula jadi

Penjanaaan Idea 1



Sebelum menghasilkan sesebuah catan, kita perlu membuat kajian lapangan atau pemerhatian terhadap pelbagai catan yang telah dihasilkan oleh pengkarya tempatan dan luar negara. Kita perlu teliti dahulu karya-karya yang menarik sebagai penjanaaan idea.

Karya catan cat air



Nama: Rohaizad Shaari
Tajuk: *Terbengau*
Tahun: 2012
Bahan: Cat minyak



Nama: Winslow Homer
Tajuk: *The Blue Boat*
Tahun: 1892
Bahan: Cat minyak



AKTIVITI

Bincangkan prinsip rekaan yang terdapat pada karya di atas.

Menentukan konsep



Gambar di bawah ialah pemandangan pada waktu senja sebagai konsep dalam penghasilan karya.

Berdasarkan kajian, terdapat kontra warna antara imej dengan latar belakang.



Sila imbas

**PELAKSANAAN PROSES****Lakaran idea**

Lakaran idea berdasarkan gambar yang dirujuk.



Lakaran yang dipilih





PELAKSANAAN PROSES

Mewarnakan lakaran



Warna basah di atas basah pada bahagian latar belakang.



Letakkan beberapa warna lain di atas permukaan yang basah untuk menampakkan kesan lembut.



Teknik basah di atas kering diaplikasikan pada imej pokok kelapa untuk menampakkan rupa dengan lebih jelas.



Teknik kering di atas kering diaplikasikan pada bahagian bawah imej untuk menampakkan kesan legap.



Teknik kering di atas basah diaplikasikan pada bahagian tertentu untuk menampakkan kesan jalinan tampak pada latar belakang catan.



Hasil akhir karya catan cat air.



CETAKAN



Cadangan Aktiviti

Aplikasikan prinsip rekaan dalam penghasilan catan dan cetakan melalui:

- i. Penjanaan idea
- ii. Penentuan konsep
- iii. Pelaksanaan proses
- iv. Kemasan karya

Projek 1

Penjanaan Idea: Pemerhatian, kajian lapangan, lakaran

Konsep: Separa abstrak

Jenis Cetakan: Cetakan lino

Media: Dakwat cetak, getah lino

Teknik: Ukiran lino

Tema: Fauna

Penjanaan Idea 1



Sebelum menghasilkan sesebuah cetakan, kita perlu membuat kajian lapangan atau pemerhatian terhadap pelbagai jenis cetakan yang telah dihasilkan oleh pengkarya tempatan dan luar negara.

Karya cetakan



Pengkarya: Juhari Said
Tajuk: *Katak Hendak Jadi Lembu*
Tahun: 1997
Media: Cetakan blok kayu
Ihsan: Pengkarya



Pengkarya: Siti Hajar Abd Rahman
Tajuk: *Nori dan Chaha*
Tahun: 2015
Media: Cetakan blok kayu
Ihsan: Galeri Shah Alam



Pengkarya: Katsushika Hokusai
Tajuk: *Great Wave off Kanagawa*
Tahun: 1830 – 1833
Media: Cetakan blok kayu



Pengkarya: Edmund Evans
Tajuk: *Ilustrasi Buku Cerita Kanak-kanak*
Tahun: 1887
Media: Cetakan turisan kayu (wood engraving)

3.1

3.1.1

3.1.2



PENENTUAN KONSEP

Kajian 1:


Penjanaan idea bertemakan fauna dan kasih sayang. Fokus kajian gambar dan lakaran adalah pada penggunaan unsur seni dan prinsip rekaan.

Gambar koleksi



Lakaran berdasarkan imej gambar koleksi yang menunjukkan dua ekor zirafah. Lakaran menggunakan media pensel. Fokus kajian adalah pada rupa, jalinan tampak, dan bentuk dengan olahan harmoni dan penegasan.

Lakaran



Imej lakaran dihasilkan berdasarkan imej singa dan anak. Lakaran menggunakan media pensel. Fokus kajian adalah pada bentuk dan jalinan dengan olahanimbangan tidak simetri serta kontra saiz.



Imej catan ringkas dihasilkan berdasarkan gambar koleksi dua ekor angsa. Lakaran menggunakan pensel. Fokus kajian adalah pada rupa dan bentuk denganimbangan simetri.





PELAKSANAAN PROSES

Proses lakaran

Lakaran reka bentuk.



Lakaran 1



Lakaran 2



Lakaran 3
(Lakaran yang dipilih)



Lakaran 4



PELAKSANAAN PROSES

Lakaran menjadi corak

Kajian reka corak.



Reka corak 1



Reka corak 2 (Reka corak yang dipilih)



Reka corak 3



Reka corak 4



PELAKSANAAN PROSES

Kajian warna



Kajian warna 1 (Kajian warna yang dipilih)



Kajian warna 2



Kajian warna 3




Kajian warna 4



PELAKSANAAN PROSES


Penghasilan cetakan



Alat dan bahan penghasilan cetakan lino.



Getah lino diukir dengan menggunakan pisau pengukir.



Dakwat yang telah digelek di atas cermin, digelek pula di atas permukaan getah lino yang telah diukir.



Kertas dicetak di atas permukaan lino yang telah disapu dakwat.



KARYA AKHIR

Kemasan karya



A/P 3/8

Angsa Tasik Kenyir

Izhan 16

NOTA GURU

Terdapat tiga perkara yang perlu ditulis oleh pengkarya sebagai pengesahan bukti edisi cetakan. Semua hasil cetakan dalam sesuatu edisi dianggap asli. Perkara tersebut ialah:

- "A/P" bermaksud *Artist's Proof*, iaitu bukti oleh pengkarya bahawa cetakan yang dihasilkan adalah asli.
- Tajuk karya hendaklah ditulis pada bahagian tengah di bawah hasil cetakan.
- Tandatangan atau nama pengkarya berserta tahun semasa hendaklah ditulis di bahagian bawah cetakan di sebelah kanan dengan menggunakan pensel sahaja.
- Setelah ditanda sebagai "A/P", barulah edisi cetakan dilakukan. Sebagai contoh, 1/10, 2/10, 3/10 sehinggalah 10/10.



Sila imbas



APRESIASI SENI VISUAL

ASAS PENGURUSAN SENI

Pameran seni merupakan satu daripada kaedah pengurusan seni. Melalui pameran seni, murid dapat mempelajari proses merancang dan mendokumentasi asas pengurusan pameran seni. Pengurusan seni terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu sebelum, semasa, dan selepas pameran.

Sebelum Pameran

Sebelum pameran dilaksanakan, ahli jawatankuasa perlu dilantik untuk menjalankan tugas agar pameran berjalan lancar. Kertas kerja harus dibuat mengikut kesesuaian pameran. Antara aspek yang perlu ada dalam kertas kerja adalah seperti yang berikut:-

Bil	Perkara	Catatan
	Nama organisasi	Organisasi atau persatuan yang menganjurkan pameran.
	Tajuk kertas kerja	Tajuk pameran.
1.	Pendahuluan	Keterangan ringkas mengenai kertas kerja.
2.	Matlamat	Sasaran yang hendak dicapai.
3.	Objektif	Sesuatu yang ingin dicapai.
4.	Tarikh pelaksanaan	Tarikh cadangan aktiviti.
5.	Sasaran	Sasaran peserta.
6.	Cadangan tempat pameran	Tempat cadangan aktiviti.
7.	Guru penasihat	Guru/jurulatih yang bertanggungjawab.
8.	Sumber kewangan	Sumber kewangan aktiviti.
9.	Kos perbelanjaan	Harga yang perlu dibayar untuk memperoleh, mengeluarkan, menyelenggarakan dan sebagainya yang berkaitan dengan pameran.

Bil	Perkara	Catatan																								
10.	Ahli jawatankuasa	Senarai nama yang bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas tertentu.																								
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jawatan</th> <th>Tugasan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Penaung</td> <td>Individu yang memberikan bantuan, galakan dan sokongan terhadap pameran yang akan dijalankan.</td> </tr> <tr> <td>Pengerusi</td> <td>Mengetuai jawatankuasa.</td> </tr> <tr> <td>Naib pengerusi</td> <td>Membantu pengerusi.</td> </tr> <tr> <td>Penyelaras</td> <td>Menyelaraskan program.</td> </tr> <tr> <td>Kurator</td> <td>Mengetuai pengurusan pameran dan produksi yang berkaitan dengan karya.</td> </tr> <tr> <td>Naib kurator</td> <td>Membantu kurator menguruskan pameran dan produksi.</td> </tr> <tr> <td>Setiausaha</td> <td>Menguruskan urusan perkeranian.</td> </tr> <tr> <td>Naib setiausaha</td> <td>Membantu setiausaha.</td> </tr> <tr> <td>Bendahari</td> <td>Menguruskan kewangan.</td> </tr> <tr> <td>Naib bendahari</td> <td>Membantu bendahari.</td> </tr> <tr> <td>Ahli jawatankuasa</td> <td>Membantu kelancaran sesuatu program mengikut tugas yang ditentukan.</td> </tr> </tbody> </table>	Jawatan	Tugasan	Penaung	Individu yang memberikan bantuan, galakan dan sokongan terhadap pameran yang akan dijalankan.	Pengerusi	Mengetuai jawatankuasa.	Naib pengerusi	Membantu pengerusi.	Penyelaras	Menyelaraskan program.	Kurator	Mengetuai pengurusan pameran dan produksi yang berkaitan dengan karya.	Naib kurator	Membantu kurator menguruskan pameran dan produksi.	Setiausaha	Menguruskan urusan perkeranian.	Naib setiausaha	Membantu setiausaha.	Bendahari	Menguruskan kewangan.	Naib bendahari	Membantu bendahari.	Ahli jawatankuasa	Membantu kelancaran sesuatu program mengikut tugas yang ditentukan.
		Jawatan	Tugasan																							
		Penaung	Individu yang memberikan bantuan, galakan dan sokongan terhadap pameran yang akan dijalankan.																							
		Pengerusi	Mengetuai jawatankuasa.																							
		Naib pengerusi	Membantu pengerusi.																							
		Penyelaras	Menyelaraskan program.																							
		Kurator	Mengetuai pengurusan pameran dan produksi yang berkaitan dengan karya.																							
		Naib kurator	Membantu kurator menguruskan pameran dan produksi.																							
		Setiausaha	Menguruskan urusan perkeranian.																							
		Naib setiausaha	Membantu setiausaha.																							
		Bendahari	Menguruskan kewangan.																							
Naib bendahari	Membantu bendahari.																									
Ahli jawatankuasa	Membantu kelancaran sesuatu program mengikut tugas yang ditentukan.																									



AKTIVITI

Hasilkan catatan ringkas isi kandungan kertas kerja asas pengurusan seni bersama-sama rakan dalam kumpulan anda. Berikan agihan tugas dan nyatakan tugas yang perlu dilakukan oleh mereka.

Tugas Jawatankuasa Pameran

Yang berikut merupakan tugas ahli jawatankuasa kecil semasa pameran berlangsung.

Ahli jawatankuasa	Tugas
Protokol dan perasmian	Memastikan perjalanan perasmian berjalan lancar. Antaranya, kedudukan kerusi, meja jamuan dan pendaftaran, tempat pameran.
Jemputan	Mengenal pasti perasmi dan penyelaras surat jemputan.
Publisiti	Membuat promosi.
Jamuan	Menentukan tempat dan menu makanan.
Penyediaan bahan dan peralatan pameran	Memilih karya yang berkualiti untuk bahan pameran. Menyediakan label. Menyediakan peralatan yang diperlukan.
Katalog dan buku pameran	Menyediakan katalog, buku program dan buku pelawat.
Juruacara	Menyediakan teks juruacara dan mengacarakan majlis.
Jurugambar dan rakaman video	Merakamkan gambar atau video.
Siar raya	Mengendalikan peralatan siar raya.
Penyediaan tempat dan bahan pameran	Menyediakan susun atur tempat pameran dan peralatan yang diperlukan agar disusun di tempat yang betul.
Dokumentasi	Membuat dokumentasi sebelum, semasa, dan selepas pameran.
Jualan	Menguruskan jualan semasa pameran.
Multimedia	Menyediakan dan memastikan persembahan multimedia berjalan dengan lancarnya.
Cenderamata	Menguruskan dan menyediakan cenderamata.
Persembahan	Menguruskan persembahan semasa perasmian.

SENI DALAM KEHIDUPAN

Pengurusan Pameran

Pelbagai peralatan diperlukan dalam pameran. Antaranya termasuklah padestal, papan pameran, kekuda dan lampu.

Hasil karya

Hasil karya harus digantung di tempat yang bersesuaian dan pastikan karya tidak jatuh atau rosak semasa pameran berlangsung. Setiap karya harus diletakkan label yang mengandungi butiran seperti nama pengkarya, tajuk karya, media dan tahun dihasilkan.

Padestal

Tempat meletakkan hasil karya berbentuk tiga dimensi.



Papan pameran

Tempat menggantungkan hasil karya berbentuk dua dimensi seperti catan.



Kekuda (Easel)

Tempat meletakkan karya dua dimensi.



Aspek Lain yang Perlu Difokuskan

i. Penyediaan tempat

Kenal pasti ruang dari segi kesesuaian, luas kawasan dan keselamatan untuk mengadakan pameran.



ii. Pengurusan karya

Karya terpilih akan ditempatkan mengikut klasifikasi yang telah ditetapkan untuk memudahkan reka letak. Keselamatan karya perlu diberikan perhatian.



iii. Reka letak

Karya yang dipamerkan perlu diklasifikasikan mengikut bidang media dan teknik. Karya tiga dimensi dipamerkan di atas padestal. Karya dua dimensi dibingkakan dan digantungkan pada papan pameran.



iv. Publisiti

Publisiti dilakukan melalui laman sesawang, poster, media sosial dan katalog. Publisiti harus dilakukan sebelum dan semasa pameran dijalankan untuk menarik minat pengunjung dan memberikan informasi tentang pameran yang sedang berlangsung.



Semasa Pameran

Sambutan dan perasmian

Semasa pameran, ahli menyambut kehadiran tetamu yang telah dijemput, memandu arah tetamu ke lokasi yang ditetapkan, dan memastikan atur cara perasmian berjalan dengan lancar.



Selepas Pameran

Selepas pameran, laporan disediakan bertujuan untuk mendokumentasikan aktiviti sebelum dan semasa pameran. Antara perkara yang perlu ada dalam laporan adalah seperti yang berikut:

Perkara	Catatan
Nama pameran	Berada pada bahagian muka depan.
Gambar pelapor	
Jawatankuasa yang ditugaskan	
Kandungan Laporan	Perkara
1. Senarai tugas dan senarai semak	Dokumentasi pelaksanaan tugas.
2. Laporan aktiviti	Laporan aktiviti yang telah dijalankan.
3. Kertas kerja (kurator pameran)	Lampiran kertas kerja yang disediakan pada peringkat awal.
4. Minit mesyuarat (setiausaha)	Lampiran minit mesyuarat yang telah dijalankan.
5. Laporan kewangan (bendahari)	Laporan kewangan.
6. Gambar aktiviti	Gambar aktiviti yang berkaitan sebagai bukti pengurusan yang telah dilaksanakan.



Aktiviti kumpulan dalam penghasilan laporan.



Aktiviti perbincangan untuk penghasilan laporan.

BAB 3

PERSEPSI VISUAL



PENGENALAN

Persepsi visual ialah proses melihat secara keseluruhan yang melibatkan proses kognitif minda untuk memahami setiap komponen dalam menghasilkan makna daripada pandangan yang menyeluruh. Persepsi visual berkait rapat dengan Teori Gestalt dan Teori Komunikasi.

Lukisan ihsan: Yusof Ismail

TEORI GESTALT


Prinsip asas teori ini menitikberatkan keseluruhan daripada sebahagian imej yang dilihat. Dengan erti kata lain, imej dilihat secara menyeluruh dan tidak kepada bahagian-bahagian kecil.

Hukum-hukum Teori Gestalt terdiri daripada:



Hukum Figura Latar (Figure Ground)

Hukum ini menyatakan bahawa sesuatu imej dapat diperjelas dengan adanya latar belakang, manakala latar belakang juga sebahagian daripada imej.



Hukum Persamaan (Similarity)

Hukum ini adalah lebih mudah untuk difahami kerana mempunyai persamaan sama ada dari segi rupa, bentuk, warna, jalinan atau nilai dalam satu kumpulan.



Hukum Lengkap (Closure)

Hukum ini melibatkan persepsi seseorang yang melihat sesuatu objek seolah-olah lengkap walaupun terdapat garisan yang tidak kelihatan.




Hukum Kesederhanaan (Simplicity)

Hukum ini berkaitan dengan sesuatu imej yang dipermudah dan disusun menjadi imej yang ringkas.



Hukum Kesenambungan (Continuity)

Hukum ini melibatkan rangsangan pandangan mata terhadap pengulangan sesuatu garisan atau imej yang sama.



Hukum Keintiman (Proximity)

Hukum ini mengaplikasikan kepelbagaian rupa, bentuk atau warna yang disusun secara rapat sehingga menimbulkan satu imej.

TEORI KOMUNIKASI

Teori komunikasi ialah kaedah menyampaikan maklumat secara visual melalui imej seperti fotografi, tipografi, lukisan, seni grafik, ilustrasi, catan dan sumber media elektronik.




Seni reka grafik



Fotografi



Tipografi



Ilustrasi



AKTIVITI

Bersama-sama dengan rakan anda, kumpulkan pelbagai jenis simbol dan tipografi yang boleh menyampaikan maklumat secara visual.

Persepsi Visual pada Alam Semula Jadi



Warna badan sesumpah mempunyai nilai harmoni dengan keadaan di sekelilingnya untuk melindungi diri daripada ancaman musuh.

Bahasa seni visual yang terdapat pada gambar ini ialah garisan, bentuk, jalinan dan warna.

Fungsi belang pada badan kuda belang adalah untuk penyamaran dan mengelirukan pemangsa.

Bahasa seni visual yang terdapat pada gambar tersebut ialah garisan dan jalinan.



Persepsi Visual pada Objek Buatan Manusia



Jalinan yang terdapat pada tapak kasut ini berfungsi untuk mencengkam permukaan lantai.

Bahasa seni visual yang terdapat pada gambar ini ialah garisan dan jalinan sentuh.

Jalinan yang terdapat pada tayar kereta ini berfungsi untuk mencengkam permukaan jalan raya.

Bahasa seni visual yang terdapat pada gambar ini ialah garisan, bentuk dan jalinan sentuh.





REKA BENTUK GRAFIK

PENGENALAN REKA BENTUK

Reka bentuk merujuk kepada susunan atau perancangan yang melibatkan unsur seni dan prinsip rekaan.

REKA BENTUK GRAFIK

Reka bentuk grafik ialah suatu proses dalam komunikasi visual yang menggabungkan teks dan ilustrasi untuk membentuk logo, risalah, buletin, poster, papan tanda, komik dan pembungkusan. Contoh grafik dapat dilihat secara jelas melalui pengiklanan, percetakan, penerbitan dan papan iklan digital.

ELEMEN DALAM REKA BENTUK GRAFIK

Elemen utama yang sering digunakan dalam reka bentuk grafik ialah warna, tipografi, gambar, ilustrasi dan reka letak.



INFO SENI

SEJARAH PERKEMBANGAN GRAFIK

Grafik berasal daripada dua perkataan Greek, iaitu "Graphikos" yang bermaksud lukisan atau catan, manakala "Graphein" bermaksud menulis atau melambang. Grafik telah wujud sekitar tahun 15 000 hingga 1000 Sebelum Masihi. Masyarakat purba telah menggunakan gambaran pada dinding gua sebagai bahasa seni visual.

BIDANG-BIDANG GRAFIK

Bidang grafik terbahagi kepada beberapa kategori seperti yang disenaraikan di bawah:



Reka Bentuk Korporat

Reka bentuk korporat berperanan membentuk imej sesebuah organisasi yang diwakili seperti kad perniagaan, logo dan kepala surat.

Reka Bentuk Papan Iklan (Billboard)

Papan iklan digunakan untuk memperkenalkan atau menyampaikan mesej kepada orang ramai berkaitan dengan perkhidmatan atau barangan yang ditawarkan. Contohnya, papan iklan dan poster.



Reka Bentuk Pembungkusan (Packaging)

Reka bentuk pembungkusan bertujuan untuk menyampaikan maklumat tentang barangan sekali gus menarik perhatian melalui jenama dan ilustrasi.

Reka Bentuk Penerbitan Umum

Reka bentuk ini merujuk kepada penerbitan buku, majalah dan buletin yang melibatkan aspek seperti ilustrasi, reka letak serta tipografi.



Reka Bentuk Papan Tanda dan Grafik Persembahan

Reka bentuk ini merujuk kepada reka bentuk papan tanda arah atau tanda jalan seperti yang terdapat di jalan raya atau kompleks beli-belah.

Reka Bentuk Digital


Reka bentuk digital merujuk kepada teknologi paparan elektronik, contohnya, laman web, video, multimedia, dan animasi.



ILUSTRASI

Ilustrasi ialah gambaran visual atau imej yang digunakan untuk memperjelas sesuatu penerangan atau maklumat seperti carta, rajah dan buku cerita. Ilustrasi dapat dihasilkan melalui lukisan, cetakan, kolaj, catan dan perisian komputer.

Sesuatu ilustrasi yang berkualiti mestilah mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:



AKTIVITI

Bersama-sama dengan rakan-rakan anda, bincangkan ciri-ciri ilustrasi untuk buku kanak-kanak ini.



Jenis-jenis Ilustrasi




Ilustrasi Alam

Ilustrasi ini menggambarkan imej flora, fauna dan kosmos.

Ilustrasi Teknikal

Ilustrasi ini digunakan dalam lukisan teknikal dan lukisan digital.




Ilustrasi Fesyen

Ilustrasi ini menggambarkan idea rekaan pakaian.

Ilustrasi Penerbitan

Ilustrasi ini digunakan untuk industri percetakan seperti majalah, buku dan risalah.




Ilustrasi Perubatan

Ilustrasi ini digunakan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman dalam bidang perubatan.


TIPOGRAFI

Tipografi ialah seni dan teknik memilih dan menyusun atur huruf atau muka taip pada sesuatu rekaan grafik. Pemilihan jenis tipografi yang bersesuaian amat penting agar mudah dibaca dan difahami.



INFO SENI

Susunan tipografi menitikberatkan muka taip/*typeface* (set huruf dalam susunan corak atau rupa tertentu), saiz huruf, jarak susunan huruf, panjang huruf dalam baris dan ruang di antara baris.



AKTIVITI

Nyatakan jenis-jenis muka taip yang anda ketahui.



Jenis-jenis muka taip.



INFO SENI

Tipografi yang paling awal digunakan oleh orang Phoenecian (1000 Sebelum Masihi) yang dibaca dari kiri ke kanan dan hurufnya masih wujud sehingga sekarang ialah Roman. Huruf Roman didapati dan dimodifikasikan daripada huruf Greek. Sebanyak 13 huruf tidak berubah rupanya, iaitu A, B, E, H, I, K, M, N, O, T, X, Y dan Z. Lapan lagi huruf, iaitu C, D, G, L, P, R, S dan V direka semula dan dua lagi huruf, iaitu F dan Q telah ditambahkan. Huruf J, U dan W kemudiannya baru dicipta. Huruf Roman yang kecil adalah disebabkan hurufnya yang dipahat di atas batu.

Contoh Muka Taip

ABCDEFGHI
JKLMNOPQ
RSTUVWXYZ

Abcdefghi
jklmnopq
rstuvwxyz

Century Schoolbook

Contoh Muka Taip Serif

ABCDEFGHI
JKLMNOPQ
RSTUVWXYZ

Abcdefghi
jklmnopq
rstuvwxyz

Arial

Contoh Muka Taip San Serif

A B C D E F
G H I J K L
M N O P Q R
S T U V W X
Y Z

Abcdefghijklm
nopqrstuvwxyz

Vivaldi

Contoh Muka Taip Kursif

ABCDEFGHI
JKLMNOPQ
RSTUVWXYZ

Abcdefghijklm
nopqrstuvwxyz

Jokerman

Contoh Muka Taip Dekoratif

Saiz Muka Taip

Saiz sesuatu muka taip disebut sebagai poin (point). Poin ini digunakan untuk mengukur ketinggian sesuatu huruf. Saiz huruf yang dipilih perlu sesuai dengan kegunaannya. Contohnya:

- Saiz 10 – 12 poin adalah untuk cetakan majalah, buku, akhbar, buku teks sekolah menengah dan universiti.
- Saiz 12 – 24 poin adalah untuk buku teks sekolah rendah dan bahan bacaan orang tua.
- Saiz 24 poin ke atas adalah untuk kanak-kanak tadika.


Saiz muka taip mengikut poin adalah seperti yang berikut:

60 Seni Grafik

48 Seni Grafik

24 Seni Grafik

12 Seni Grafik



Anatomi Muka Taip.

REKA LETAK GRAFIK

Reka letak grafik ialah proses menyusun atur untuk membentuk satu rekaan yang dapat menyampaikan mesej dan ada nilai estetik.

Elemen Asas Reka Letak

Gambar menunjukkan reka letak grafik pada muka surat sebuah majalah.





REKA BENTUK INDUSTRI

PENGENALAN REKA BENTUK INDUSTRI

Reka bentuk industri ialah reka bentuk sesuatu barangan yang digunakan untuk keperluan kehidupan manusia. Reka bentuk industri berubah mengikut kehendak manusia, kemajuan teknologi dan keperluan semasa. Contohnya, kerusi, kenderaan dan perkakas elektrik untuk kemudahan manusia.


JENIS REKA BENTUK INDUSTRI



Produk



Kenderaan



Perabot



INFO SENI

Sejarah reka bentuk industri telah bermula sejak zaman prasejarah apabila manusia mula mencipta peralatan untuk berburu dan bercucuk tanam. Reka bentuk industri berkembang apabila berlakunya Revolusi Perindustrian di Eropah pada tahun 1770.

PROSES MEREKA BENTUK PRODUK

Pereka bentuk dan jurutera perlu bekerjasama untuk mereka bentuk barangan industri yang berfungsi seperti dalam rajah di bawah.

PROSES MEREKA BENTUK BARANGAN INDUSTRI

FUNGSI MENGIKUT BENTUK

BENTUK MENGIKUT FUNGSI

REKA BENTUK BEKERJASAMA

1

Ergonomik

Ergonomik bermaksud ciri-ciri keselesaan, kecekapan, keselamatan, berkesan dan senang digunakan oleh manusia. Contohnya, sebuah kerusi yang mempunyai reka bentuk yang boleh dilaraskan mengikut kesihatan tulang belakang dan tempat tangan yang boleh mengelakkan tekanan pada bahu. Ciri-ciri ergonomik dalam sesebuah rekaan amat penting untuk memberikan keselesaan yang optimum kepada pengguna.

2

Media dan fungsi

Media ialah bahan yang digunakan dalam proses penghasilan sesuatu reka bentuk, manakala fungsi ialah kegunaan sesuatu rekaan. Penggunaan media yang digunakan haruslah selaras dengan sesuatu fungsi. Contohnya, untuk menghasilkan alat pembersih vakum (vacuum cleaner), bahan yang ringan seperti plastik diperlukan untuk memudahkan pengguna. Penggunaan plastik merupakan media yang ringan dan tahan lasak serta bersesuaian dengan fungsinya yang boleh diangkat dan digerakkan.

3

Ekonomi dan estetik

i. Ekonomi

Ekonomi dalam reka bentuk industri ialah kegiatan yang melibatkan manusia berurusan dengan penghasilan, pengagihan dan penggunaan sesuatu barangan. Hasilnya akan mendatangkan nilai dan pendapatan. Dua perkara utama yang penting ialah bahan dan proses binaan yang dapat meminimumkan kos pengeluaran. Proses pemasaran sesuatu rekaan seperti produk atau perabot perlu menimbangakan pelbagai perkara seperti maklumat dari segi kos, harga produk dan harga barang mentah di pasaran serta kehendak pengguna semasa. Sesuatu reka bentuk industri perlu menggunakan kaedah tertentu supaya dapat menghasilkan produk yang berkualiti, dapat berfungsi dengan cekap serta selamat dengan penggunaan kos yang minimum.

ii. Estetik

Estetik ialah satu nilai yang berkaitan dengan ciri keindahan yang dapat menarik perhatian pengguna. Contohnya, fungsi, reka bentuk, konsep, gaya rekaan dan nilai kesatuan pada sesuatu produk. Nilai estetik sangat penting dalam sesuatu rekaan kerana dapat meningkatkan pemasaran sesuatu barangan.

Proses Mereka Bentuk

Terdapat beberapa langkah dalam proses mereka bentuk sesuatu produk seperti yang ditunjukkan dalam carta alir di bawah.



Media untuk Membuat Barangan Industri dan Fungsinya

Jenis bahan	Kesesuaian jenis produk
Kayu 	Perabot (almari, kerusi, meja)/cenderahati/ sesuai untuk dibuat model.
Plastik 	Bekas isi makanan/alat elektrik/perabot.
Kaca 	Cermin kereta/pinggan mangkuk/botol.
Logam 	Peralatan elektrik/badan kenderaan/ perabot.

Contoh Model



Kayu



Tanah liat

REKA BENTUK GRAFIK



Projek 1

Penjanaan Idea: Pemerhatian, kajian lapangan, lakaran

Konsep: Separa Abstrak

Jenis Karya: Reka Bentuk Korporat

Tajuk: Kad Nama

Media: Pensel dan Perisian Publisher

Teknik: Konvensional dan Digital

Tema: Flora

Penjanaan Idea 1



Sebelum menghasilkan kad nama, kajian logo dan muka taip dilakukan. Kajian dimulakan melalui olahan idea lakaran logo dan pemilihan muka taip yang bersesuaian.



Koleksi kad nama sebagai sumber ilham.



Penjanaan idea untuk logo

Imej yang dipilih



LAKARAN IDEA LOGO



Imej bunga yang dipilih



Lakaran 1



Lakaran 2



Lakaran 3



Lakaran 4
(Olahan logo yang dipilih)



PILIHAN TIPOGRAFI

Johari bin Osman
 Pereka Bentuk Am & Korporat
 www.jzdesign.com.my
 017-6816144
 Blok L 15, No. 307,
 Jalan Persiaran 3,
 55100 Pandan Jaya,
 Kuala Lumpur.



Johari bin Osman
 Pereka Bentuk Am & Korporat
 www.jzdesign.com.my
 017-6816144

Blok L 15, No. 307,
 Jalan Persiaran 3,
 55100 Pandan Jaya,
 Kuala Lumpur.

Johari bin Osman
 Pereka Bentuk Am & Korporat
 www.jzdesign.com.my
 017-6816144
 Blok L 15, No. 307,
 Jalan Persiaran 3,
 55100 Pandan Jaya,
 Kuala Lumpur.



Johari bin Osman
 Pereka Bentuk Am & Korporat
 www.jzdesign.com.my
 017-6816144

Blok L 15, No. 307,
 Jalan Persiaran 3,
 55100 Pandan Jaya,
 Kuala Lumpur.

Tipografi yang dipilih

Johari bin Osman
Pereka Bentuk Am & Korporat
www.jzdesign.com.my
017-6816144
Blok L 15, No. 307,
Jalan Persiaran 3,
55100 Pandan Jaya,
Kuala Lumpur.



Johari bin Osman
Pereka Bentuk Am & Korporat
www.jzdesign.com.my
017-6816144

Blok L 15, No. 307,
Jalan Persiaran 3,
55100 Pandan Jaya,
Kuala Lumpur.

Johari bin Osman
Pereka Bentuk Am & Korporat
www.jzdesign.com.my
017-6816144
Blok L 15, No. 307,
Jalan Persiaran 3,
55100 Pandan Jaya,
Kuala Lumpur.



Johari bin Osman
Pereka Bentuk Am & Korporat
www.jzdesign.com.my
017-6816144

Blok L 15, No. 307,
Jalan Persiaran 3,
55100 Pandan Jaya,
Kuala Lumpur.



REKA LETAK LOGO DAN TIPOGRAFI

Lakaran menggunakan perisian Photoshop, Illustrator atau Publisher.



Olahan reka letak 1



Olahan reka letak 2



Olahan reka letak 3
(Olahan reka letak yang dipilih)



Olahan reka letak 4



Cetak kad nama yang telah siap direka bentuk.



KARYA AKHIR



Hasil produk kad nama yang telah siap.

REKA BENTUK INDUSTRI

Penjanaan Idea



Sebelum menghasilkan sesebuah karya, kita boleh membuat sedikit kajian tentang produk yang telah berada dalam pasaran. Mari kita teliti imej jenis-jenis lampu yang menarik sebagai penjanaan idea.



Projek 1

Penjanaan Idea: Reka bentuk domestik

Tajuk: Lampu hiasan

Alat dan Bahan: Sudu plastik, botol air mineral, pembaris, pisau, gunting, pistol perekat panas (hot glue gun), mentol, wayar

Aspek penilaian:

- Lakaran pengolahan idea
- Pemilihan bahan yang bersesuaian
- Hasil karya bersih dan kemas

Tema: Buah-buahan

Penjanaan Idea 1



Penjanaan Idea 2



Imej 1



Imej 2



Imej 3



Imej 4
(Imej yang dipilih)



LAKARAN IDEA



Imej pilihan



Lakaran




LAKARAN BENTUK




Lakaran 1



Lakaran 2




Lakaran 3



Lakaran 4
(Bentuk yang dipilih)



Lakaran 5



Lakaran 6



KAJIAN BENTUK




Lakaran 1




Lakaran 2
(Bentuk yang dipilih)




Lakaran 3



Lakaran 4



Lakaran 5



Lakaran 6

Penghasilan Karya Akhir

Alat dan Bahan Lampu Hiasan



Sudu Plastik



Gunting dan Pisau



Pistol Perekat Panas



Soket



Mentol



Botol Air Mineral



Langkah 1

Potong pemegang sudu plastik.



Langkah 2

Potong botol air mineral.



Langkah 3


Lekatkan sudu pada botol air mineral dengan menggunakan pistol perekat panas (hot glue gun).



Langkah 4
Pasang mentol dan wayar pada lampu.



Langkah 5
Kemaskan produk.



Hasil karya akhir.



ASAS KEUSAHAWANAN

DEFINISI USAHAWAN

Usahawan ialah orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan atau pengusaha sesuatu produk. Perkataan usahawan mula diperkenalkan pada tahun 1970 semasa pelancaran Dasar Ekonomi Baru.



Peta Buih: Ciri-ciri usahawan



INFO SENI

Pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka, mereka yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan dipanggil pedagang, manakala pada tahun 1900 mereka dikenali sebagai peniaga.

KOMUNIKASI DAN PROMOSI PRODUK
Kaedah Promosi



KERTAS KERJA HARI KEUSAHAWANAN Sekolah Seni Malaysia

1. PENGENALAN

Program Hari Keusahawanan merupakan acara tahunan yang diadakan di sekolah ini. Tujuan program adalah untuk melahirkan murid yang berdikari, mampu merancang dan mengaplikasikan kemahiran dalam kehidupan.

2. RASIONAL

Program bertujuan untuk memberikan pendekatan yang berkaitan dengan kepimpinan, disiplin dan kemahiran pengurusan yang perlu ada dalam diri murid. Selain itu, program ini dapat meningkatkan keyakinan, ketajaman mental dan ketahanan fizikal setiap murid.

3. **OBJEKTIF:** Mendapatkan dana bagi setiap aktiviti murid dan memberikan pendedahan kepada murid mengenai asas dan ciri-ciri keusahawanan.

4. **TEMA:** Sumbangan Anda Kebanggaan Kami.

5. **PERINCIAN PROGRAM:** Tarikh, tempat, masa dan sasaran.

6. **AHLI JAWATANKUASA:** Senarai nama untuk menjalankan tugas-tugas tertentu.

7. PENGISIAN PROGRAM

Jualan hasil karya dan produk murid, jualan makanan dan pameran hasil karya murid.

8. ANGGARAN PERBELANJAAN

8.1 Sumber Kewangan

Panitia Pendidikan Seni Visual	RM
Kelab Keusahawanan	RM
Sumbangan Luar	RM
Jumlah	RM

8.2 Kos Perbelanjaan

Bil.	Perkara	Bilangan	Harga Seunit	Jumlah
1				
2	(Kos bergantung pada aktiviti yang dirancang)			
3				
Jumlah Keseluruhan				

9. PENUTUP

Diharapkan program ini dapat mencungkil bakat dan minat murid dalam keusahawanan serta mengeratkan silaturahim warga sekolah. Selain itu, program ini diharap dapat mewujudkan semangat kerja berpasukan dan meningkatkan kualiti serta produktiviti kerja.

A top-down view of various art supplies on a light-colored wooden surface. On the left, a spiral-bound notebook is open, showing a drawing of a tree with blue and red foliage. Several colored pencils (yellow, red, purple, blue, green) are scattered on the notebook. To the right, a watercolor palette with various colors (purple, green, orange, pink, yellow) is visible, along with several paintbrushes. The background is a rustic, light-colored wooden plank surface.

Eksplorasi Seni Visual

Eksplorasi seni visual melibatkan eksperimen bahan, media dan pelbagai teknik serta penghasilan karya.

BAB 4

SENI

HALUS



PENGENALAN

Seni halus terbahagi kepada empat bahagian, iaitu lukisan, catan, arca dan cetakan.



INFO SENI

Lukisan bermaksud proses bagi menggambarkan sesuatu imej dengan menggunakan pelbagai garisan serta nilai tona terang dan gelap yang dihasilkan di atas sesuatu permukaan.

- *The Oxford Companion to Art* (1981)



Sila imbas

Di Malaysia, lukisan pada dinding telah ditemui di Gua Niah, Sarawak dan Gua Tambun, Perak yang dianggarkan telah terhasil sejak 3000 tahun dahulu.

- *Susurmasa* (2008)



LUKISAN

DEFINISI

Lukisan merupakan satu aktiviti penghasilan seni visual dalam bentuk dua dimensi. Lukisan dihasilkan dalam dua bidang utama, iaitu bidang pengkaryaan dan bidang perekaan. Pengkaryaan berkaitan dengan kajian terhadap bentuk dan komposisi, manakala perekaan lebih tertumpu kepada reka bentuk dan fungsi.

Bahantara yang digunakan ialah media kering seperti pensel warna, pastel, pen penanda dan bahan lain yang sesuai. Kefahaman bahasa seni visual sangat penting untuk menghasilkan lukisan yang menarik serta mempunyai nilai estetik.


Sejarah Lukisan

Kajian membuktikan terdapat banyak lakaran di dinding gua menggunakan batu kapur, arang atau tanah bagi tujuan merakamkan peristiwa dan sebagai alat komunikasi pada zaman dahulu. Selari dengan peredaran zaman, perubahan berlaku terhadap lukisan yang dihasilkan oleh pelukis-pelukis Barat.

Penggunaan unsur garisan sangat dititikberatkan oleh pelukis terkenal seperti Leonardo da Vinci, Michelangelo serta Albercht Durer. Di Malaysia pula, antara pelukis yang terkenal termasuklah Hoessein Enas, Amron Omar, Syed Ahmad Jamal dan Latiff Mohidin.




Lukisan purba di Gua Lascaux, Perancis.



Lukisan sapi di Gua Lascaux, Perancis.



Lukisan purba di Gua Tambun, Perak.



Lukisan purba di Gua Hitam, Sarawak.



Pelukis: Leonardo da Vinci
Tajuk: *Study of Horses*
Tahun: 1940
Bahan: Pen (metal point)



Pelukis: Mohd Hoessein Enas
Tajuk: *Gadis Menumbuk Padi*
Tahun: 1959
Bahan: Arang dan pastel



Pelukis: Albrecht Durer
Tajuk: *Potret Diri*
Tahun: 1484
Bahan: Pen (silver point)



Pelukis: Latiff Mohidin
Tajuk: *Siri Pago-pago*
Tahun: 1964
Bahan: Dakwat dan kertas



LUKISAN PERSPEKTIF

Lukisan perspektif akan terhasil apabila wujudnya perbezaan jarak dan arah pandangan.



Lukisan komposisi pandangan hadapan.



Lukisan komposisi pandangan sisi.


Perspektif

Perspektif sangat penting digunakan bagi membezakan objek jauh dan dekat serta bertujuan menimbulkan kesan ilusi tiga dimensi. Terdapat tiga jenis perspektif, iaitu perspektif satu titik lenyap, perspektif dua titik lenyap dan perspektif tiga titik lenyap.


Contoh perspektif




Perspektif satu titik lenyap.



Perspektif dua titik lenyap.





Perspektif tiga titik lenyap.

Kaedah Tetingkap

Kaedah tetingkap berfungsi untuk memfokuskan objek yang hendak dilukis bagi mendapatkan ruang dan sudut yang menarik. Kaedah ini berfungsi seperti kamera dan sesuai digunakan di luar studio seni.



AKTIVITI

Hasilkan lukisan perspektif dengan menggunakan kaedah lukisan yang telah dipelajari.



Mengukur Jarak

Kaedah mengukur jarak sering digunakan untuk mendapatkan kadar banding yang tepat. Pensel dan ibu jari digunakan sebagai penanda untuk mengukur bagi menentukan saiz objek yang dilukis.



Nisbah Keemasan

Nisbah keemasan ini bertujuan untuk mendapatkan reka letak yang menarik dan kreatif. Untuk mendapatkan nisbah keemasan, objek utama perlu diletakkan lebih kurang sepertiga daripada ruang utama.



Pelukis: Rembrandt Van Rijn
Tajuk: *The Windmill*
Tahun: 1641
Bahan: Asid (etching)



AKTIVITI

Hasilkan lukisan perspektif dengan menggunakan kaedah lukisan yang telah dipelajari.

Penerokaan Media dan Teknik

Teknik ialah cara atau kaedah yang digunakan dalam menghasilkan sesebuah karya seni.

Gambar rajah menunjukkan pelbagai jenis lukisan menggunakan teknik yang berbeza.



Garisan

Teknik garisan selari untuk menimbulkan bentuk imej.



Titik-titik/*pointilisme*

Titik-titik membentuk imej.



Garisan rawak/*scribbling*

Teknik garisan pelbagai arah atau rawak untuk membentuk imej.



Gosokan

Teknik gosokan sesuai bagi media arang, *soft pastel* dan pensel.



Silang pangkah/*crosshatching*

Teknik silang pangkah digunakan untuk membentuk imej yang dilukis.



Cadangan Aktiviti

Kenal pasti kesan yang wujud apabila teknik-teknik di atas diaplikasikan. Hasilkan lukisan dengan menggunakan teknik-teknik yang telah dipelajari.

APLIKASI SENI

Penerokaan Media dan Teknik

Penggunaan media yang berbeza akan menimbulkan kesan yang berbeza dalam penghasilan sesebuah karya.



Pensel



Kesan media pensel.



Pensel warna



Kesan media pensel warna.



Pen teknikal



Kesan media pen teknikal.



INFO SENI

Sekiranya menggunakan pensel warna air, nisbah campuran air yang tidak melebihi 50% pada ruang permukaan kertas masih dianggap lukisan.



Arang (charcoal)



Kesan media arang.



Krayon



Kesan media krayon.



Pastel



Kesan media pastel.



Sila imbas

KBAT

Huraikan banding beza penggunaan media dan kesan pada karya.



Analisis Lukisan



Pelukis: Rembrandt Van Rijn
Tajuk: *A Lion Lying Down*
Tahun: 1650
Bahan: Pen dan dakwat



Pelukis: Mohd Hoessein Enas
Tajuk: *Potret Diri*
Tahun: 1954
Bahan: Kapur



Pelukis: Hushinaidi Abdul Hamid
Tajuk: *Figure Drawing*
Tahun: 2007
Bahan: Oil pastel



Pelukis: Hushinaidi Abdul Hamid
Tajuk: *Figure Drawing*
Tahun: 2007
Bahan: Pastel



AKTIVITI

Bincangkan perbezaan kesan media yang terdapat pada karya.



CATAN

DEFINISI

Catan merupakan proses merakamkan gambaran sebenar dalam bentuk visual dengan menggunakan media basah di atas sesuatu permukaan. Media basah terdiri daripada cat air, cat poster, cat minyak, cat akrilik, tempera dan guac (gouache). Biasanya, permukaan kertas atau kanvas digunakan untuk menghasilkan catan.



Pelukis: Abdullah Arif
Tajuk: *Bumi Bahagia Lombong Bijih Malaya*
Tahun: 1960
Bahan: Cat air
 (Aliran realisme)



Pelukis: Vincent Van Gogh
Tajuk: *Olive Trees*
Tahun: 1889
Bahan: Cat minyak
 (Aliran post-impresionisme)

Sejarah Catan

Sejarah perkembangan catan bermula pada zaman Yunani purba. Ketika itu, media yang digunakan ialah fresko atau mozek. Catan yang dihasilkan ketika itu berkisar tentang keagamaan. Pelukis yang terkenal pada masa itu ialah Polygnotos, Zeuxis dan Apelles.

Pada abad ke-14 hingga abad ke-16, seni catan di Eropah mengalami perubahan dan mencapai kegemilangan pada zaman Renaissance. Media yang digunakan ketika itu ialah fresko, cat tempera, cat minyak dan cat air. Pelukis yang terkenal ketika itu ialah Leonardo da Vinci (Itali, 1452 – 1519) dan Albert Durer (Jerman, 1471 – 1528).

Di Malaysia, catan mula berkembang pada awal abad ke-19. Pelukis tempatan ketika itu mendapat pendidikan dari institusi pengajian di China dan Barat. Antara pelukis terkenal ialah Abdullah Arif, Chua Teng Teng, Tay Hooi Keat, Mazli Mat Som dan Mohd Hoessein Enas. Terdapat aliran dalam catan yang berkembang dari Barat. Antaranya termasuklah realisme, impresionisme, post-impresionisme, ekspresionisme, kiubisme, surealisme, seni pop dan seni op.

Penerokaan Media dan Teknik Teknik catan cat air.



- i. Teknik kering di atas kering bermaksud menggunakan dakwat dengan air yang amat sedikit dan disapukan di atas permukaan kertas yang kering.



- ii. Teknik basah di atas kering bermaksud menggunakan warna yang basah atas permukaan kertas yang kering.



- iii. Teknik kering di atas basah bermaksud warna daripada tiub terus disapu di atas permukaan kertas yang basah.



- iv. Teknik basah di atas basah bermaksud menggunakan warna yang basah di atas permukaan kertas yang basah.

Penyediaan Bahan Catan Cat Air

Penghasilan catan cat air memerlukan permukaan kertas yang khusus. Pemilihan kertas sangat penting untuk mendapatkan kesan lut sinar pada karya. Kertas yang sangat sesuai ialah *water colour paper*.

Penyediaan kertas bagi penghasilan catan cat air.



Alat dan bahan.



1. Basahkan kertas pada kedua-dua bahagian untuk mendapatkan kesan resapan warna cat air.



2. Lekatkan kertas dengan pita pelekat.



3. Tunggu sehingga kering dan kertas telah siap untuk digunakan untuk catan cat air.

Terdapat pelbagai alat yang digunakan untuk menghasilkan catan cat air. Antaranya:



Berus pelbagai jenis dan saiz



Palet dan warna yang sesuai

Pemilihan kertas penting untuk mendapatkan kesan yang berbeza.



Water colour paper
tebal dan bertekstur kasar

Kertas lukisan tebal dan tekstur kasar

Kertas lukisan nipis bertekstur lembut

Kertas nipis bertekstur lembut

Penghasilan Catan Cat Minyak

Penghasilan catan cat minyak memerlukan permukaan yang khusus. Contohnya, papan lapis dan kanvas. Walau bagaimanapun, permukaan kanvas merupakan permukaan yang paling efektif dalam penghasilan karya catan cat minyak.

Gambar rajah menunjukkan penyediaan kanvas.



Terdapat pelbagai alat yang digunakan dalam penyediaan catan cat minyak. Antaranya ialah berus, pisau palet, minyak linsid dan turpentin.



Palet digunakan sebagai tempat membancuh warna. Pisau palet digunakan untuk menghasilkan teknik impasto.



Pelbagai jenis berus digunakan untuk menghasilkan catan.



Easel digunakan untuk menyandarkan kanvas.



Pelbagai jenis berus digunakan untuk membancuh warna.

Teknik Catan Cat Minyak

Terdapat beberapa teknik bagi penghasilan catan cat minyak.

i) Teknik Kilatan/*Glazing*

- Aplikasi sapuan warna nipis dan berlapis-lapis dapat menimbulkan kesan lut sinar.



Pelukis: Latif Maulan
Tajuk: *Pisang Awak*
Tahun: 2006
Bahan: Cat minyak
(Aliran realisme)

ii) Teknik Melembut/*Scumbling*

- Aplikasi sapuan warna sederhana tebal memberikan kesan lembut pada imej yang dihasilkan.



Pelukis: Vincent Van Gogh
Tajuk: *Self Portrait*
Tahun: 1889
Bahan: Cat minyak
(Aliran post-impresionisme)

iii) Teknik Impasto

- Aplikasi sapuan warna tebal yang menggunakan berus atau palitan pisau palet dapat menimbulkan kesan jalinan.



Ihsan: FSSR, UiTM Shah Alam



Pelukis: Vincent Van Gogh
Tajuk: *Vase with Pink Roses*
Tahun: 1890

APLIKASI SENI

- iv) Teknik Titik-titik/*Pointilisme*
- Aplikasi teknik titik-titik bagi menimbulkan imej secara optikal.



Pelukis: Georges Seurat
Tajuk: *Gray Weather, Grande Jatte*
Tahun: 1888
Media: Cat minyak
(Aliran pointilisme)

- v) Teknik Alla Prima
- Aplikasi penggunaan campuran warna yang tidak dirancang dan terhasil secara spontan.



Ihsan: FSSR, UiTM Shah Alam

- vi) Teknik Sapuan Tepat/*Hard Edge*
- Aplikasi sapuan warna yang kemas dan tepat menggunakan pita penutup untuk memisahkan warna.



NOTA GURU

Murid boleh menggunakan bahan lain selain pita penutup bagi memisahkan sempadan warna dalam teknik *hard edge*.

Mewarna Catan Cat Air
Mewarna pokok



Langkah 1

Lakarkan imej pokok dengan ringkas. Kemudian, sapukan warna yang paling cerah, iaitu warna kuning. Warnakan juga bahagian ranting dan batang pokok.



Langkah 2

Sapukan warna hijau cerah pada bahagian daun.



Langkah 3

Sapukan warna sederhana gelap bagi menimbulkan tona yang berbeza.



Langkah 4

Sapukan warna yang lebih gelap pada bahagian celah daun, ranting serta batang pokok untuk menimbulkan imej yang lebih jelas.

Mewarna Catan Cat Minyak

Mewarna pokok




Langkah 1

Lakarkan imej dengan ringkas. Kemudian, sapukan warna cerah, iaitu jingga dan kuning.



Langkah 2

Warnakan pokok dengan warna hijau cerah. Kemudian, warnakan bahagian latar belakang dengan warna biru cerah.



Langkah 3

Sapukan warna hijau yang lebih cerah untuk bahagian dasar (tanah) bagi membezakan ruang hadapan, tengah dan belakang.



Langkah 4

Warnakan pula latar belakang dengan warna campuran biru dan putih.



Langkah 5

Sapukan warna kuning dan sedikit coklat untuk bahagian dasar (tanah) bagi menimbulkan kesan cahaya dan bayang.

Banding Beza Karya Catan
Karya catan pelukis luar negara



Pelukis: Georges Seurat
Tajuk: *A Sunday Afternoon on the Island of La Grande Jatte*
Tahun: 1886
Media: Cat minyak
(Aliran pointilisme)



Pelukis: Vincent Van Gogh
Tajuk: *Starry Night*
Tahun: 1889
Media: Cat minyak
(Aliran post-impresionisme)



Pelukis: Salvador Dali
Tajuk: *The Persistence of Memory*
Tahun: 1931
Media: Cat minyak
(Aliran surealisme)

Karya catan pelukis tempatan



Pelukis: Mohd Hoessein Enas
Tajuk: *Memetik Daun Tembakau di Kelantan*
Tahun: 1962
Media: Cat minyak
(Aliran realisme)



Pelukis: Chua Teng Teng
Tajuk: *Musim Buah*
Tahun: 1968
Media: Warna fabrik
(Catan batik)



Pelukis: Johan Marjonid
Tajuk: *Susur Akar Umbi I*
Tahun: 2015
Media: Cat akrilik
(Aliran realisme)



CETAKAN

DEFINISI

Cetakan ialah proses terapan blok, plat atau skrin ke atas sesuatu permukaan seperti kertas, kain atau bahan lain secara berulang kali (kecuali cetakan mono). Hasil cetakan disebut sebagai edisi.

SEJARAH CETAKAN

Cetakan bermula di China apabila penganut agama Buddha menghasilkan cetakan teks pada permukaan kertas. Dalam abad ke-14 Masihi telah bermula cetakan pada tekstil sebelum berlakunya cetakan pada kertas di Barat. Cetakan kayu (woodblock) bermula di Jerman pada abad ke-15.

Di Malaysia, sejarah cetakan bermula pada tahun 1940-an apabila pelukis tempatan mendapat pendidikan di Akademi Nanyang di Singapura. Seni cetakan ini telah dibawa dari negara China.

Pada tahun 1950-an, terdapat beberapa individu yang telah membawa kemahiran cetakan daripada pengajian seni di Barat. Pelopor bagi seni cetakan kayu ialah Juhari Said dan Latiff Mohidin, manakala pengkarya gurusan asid ialah Ilse Noor, Loh Foo Sang dan Long Tien Shin.



INFO SENI

Cetakan awal yang dijumpai telah dihasilkan oleh orang Sumeria pada 300 Sebelum Masihi dengan salinan kulit kerang di atas tanah liat.




Pelukis: Juhari Said
Tajuk: *Dhaka II*
Tahun: 1998
Media: Cetakan kayu



Pelukis: Albert Durer
Tajuk: *The Bagpiper*
Tahun: 1514
Media: Turisan logam

Analisis Cetakan



i) **Cetakan Mono**

Proses cetakan mono akan menghasilkan cetakan sekali sahaja. Cetakan mono boleh dihasilkan dengan menggunakan pelbagai media dan dakwat. Kesan cetakan ini agak berbeza dengan cetakan yang lain.



Cetakan mono.

ii) **Cetakan Timbulan**

Proses cetakan timbulan melibatkan cetakan imej yang menggunakan blok rata yang diukir secara terancang. Dakwat disapu rata di atas permukaan blok yang timbul dan dicetak di atas kertas atau kain. Cetakan ini boleh dilakukan pada permukaan seperti kepingan kayu dan lino.



Cetakan timbulan.


Alat dan bahan cetakan timbunan

Bahan	Kegunaan
Kepingan kayu, lino	Mengukir imej cetakan.
Set alat ukiran	Mengukir bahan.
Pengelek	Meratakan warna.
Kepingan kaca	Tempat untuk menggelek dan meratakan warna.
Dakwat	Mewarnakan cetakan.
Minyak linsid	Mencairkan dakwat.
Kertas	Mencetak imej di atasnya.
Turpentin	Mencuci alatan.

Proses penghasilan cetakan timbunan




Ukir kepingan kayu.



Gelek dakwat pada cermin.



Gelek dakwat di atas permukaan kepingan kayu yang telah diukir.



Letakkan sehelai kertas di atas permukaan kepingan kayu.



Gunakan sudu untuk menggosokkan permukaan kertas untuk menimbulkan imej.



Angkat kertas dan imej cetakan terhasil pada permukaan kertas.

iii) Cetakan Benam (Intaglio)

Imej terhasil berdasarkan goresan pada kepingan logam (plat). Teknik yang digunakan ialah gurihan asid, mezotin dan akuantin. Dakwat berada di kawasan yang terbenam dan dicetak.

Alat dan bahan cetakan benam/intaglio



Cetakan intaglio

Bahan	Kegunaan
Plat logam	Permukaan untuk menghasilkan gurihan.
Alat tajam seperti paku atau jarum	Mengguris imej.
Dakwat	Mencetak bahan.
Turpentin	Membersihkan plat logam.
Kertas lembap	Mencetak bahan.
Pengelek atau pemampat	Menekan plat logam ketika mencetak.
Asid (khas untuk cetakan)	Merendam plat logam.
Akuatin/Mezotin/Bitumin	Menutup permukaan plat agar tidak dihakis oleh asid.
Tar	Disapu ke atas plat.



INFO SENI

Cetakan benam ialah teknik mengukir dengan cara melorek kepingan logam untuk menghasilkan garis-garis dalam ukiran.

Proses cetakan benam atau intaglio



Sapu bitumin di atas permukaan plat logam.




Hasilkan gurisan imej di atas plat logam.




Rendamkan plat logam dengan cecair asid.



Laraskan mesin untuk mencetak.



Terapkan kertas di atas plat logam.




Cetak bahan dengan menggunakan mesin.



Imej cetakan intaglio yang terhasil.

iv) Cetakan Saring Sutera

Bagi cetakan jenis ini, gunakan kain saring sutera yang diregangkan pada pemedang. Imej terhasil melalui potongan kertas pendua, filem laker atau skrin foto emulsi. Sekuji pula digunakan untuk menyapu dakwat di atas permukaan skrin bagi menghasilkan imej yang dikehendaki.



Cetakan saring sutera

Alat dan bahan cetakan saring sutera


Bahan	Kegunaan
Kain saring sutera	Permukaan untuk memindahkan imej.
Pemedang skrin	Meregangkan kain saring sutera.
Foto emulsi	Membentuk imej positif atau negatif untuk mencetak imej.
Sekuji	Meratakan warna.
Kain atau kertas	Permukaan untuk dicetak.



INFO SENI

Cetakan saring sutera juga dikenali sebagai cetakan sarigrifi.

Proses cetakan saring sutera



Regangkan saring sutera pada pemedang.



Campurkan kalium dikromat (sensitiser) dan foto imulsi hingga sebati dengan nisbah 1:10.



Tuang campuran foto imulsi pada permukaan pemedang dan ratakan campuran tersebut dengan sekuji.





Keringkan campuran dengan pengering rambut.



Dehalkan bahan pada cahaya lampu yang mempunyai kuasa yang tinggi mengikut keperluan masa yang sesuai di dalam bilik gelap.



Semburkan dengan pancutan air untuk menimbulkan imej.



Letakkan bahan yang hendak dicetak di bawah skrin pemedang dan letakkan dakwat di atas skrin. Kemudian, gunakan sekuji untuk meratakan warna.

v) Cetakan Litografi

Cetakan litografi dihasilkan di atas permukaan yang mendatar. Cetakan ini menggunakan blok batu kapur. Konsep yang digunakan bersifat penolakan minyak dengan air. Penolakan antara air dengan minyak menghasilkan cetakan seakan-akan lukisan pensel. Mesin penggelek diperlukan untuk menghasilkan cetakan litografi.



Pengkarya: Odilon Redon
Tajuk: *The Smiling Spider*
Tahun: 1891
Bahan: Blok batu

Cetakan litografi


Alat dan bahan cetakan litografi

Bahan	Kegunaan
Blok batu kapur	Melukis imej cetakan.
Krayon litografi @ dakwat berminyak <i>tusche</i>	Melukis imej pada blok kapur.
Turpentin	Mencairkan atau melarutkan dakwat.
Span	Membersihkan kawasan lakaran.
Dakwat pencetak	Mewarnakan cetakan.
Mesin pencetak	Menekan supaya imej terhasil.

Proses cetakan litografi



Lakar imej pada permukaan blok batu.



Sapu campuran gam arab dan asid ke atas permukaan blok batu.




Lapisan asid dan gam arab yang bertindak balas akan menghasilkan imej lakaran.




Gelek dakwat pada permukaan blok batu.




Letakkan kertas di atas permukaan dakwat yang telah digelek.



Proses tekanan bagi memindahkan imej pada permukaan kertas.



Hasil cetakan litografi.



INFO SENI

- A/P – Artist's proof (bukti cetakan)
- T/P – Test proof (cetakan percubaan)
- 3/7 – Cetakan ke-3 daripada tujuh cetakan



ARCA

DEFINISI

Arca merupakan karya seni tiga dimensi yang dapat dilihat dari pelbagai sudut pandangan. Menurut bahasa Latin, arca berasal daripada perkataan “sculpture” yang bermaksud proses mengukir, melarik, mencungkil dan menggores. Terdapat dua jenis arca, iaitu arca berfungsi dan arca estetik.

SEJARAH ARCA

Di Greece, arca yang dihasilkan ketika itu berbentuk patung figura manusia dan haiwan kerana berkait rapat dengan kepercayaan dan keagamaan.

Michelangelo Buonarroti (1475 – 1564) yang berasal dari Itali merupakan pengarca agung pada zaman Renaissance. Kebanyakan arca beliau ialah ukiran pada batu marmar yang menggunakan figura manusia sebagai hal benda serta bertemakan keagamaan.

Di Malaysia, pengarca moden mula muncul sekitar tahun 1960-an. Antara pengarca moden yang terkenal ialah Latiff Mohidin, Anthony Lau dan Syed Ahmad Jamal.



INFO SENI

Replika ialah model sesuatu objek yang menyerupai objek asal.

Mercu tanda atau *landmark* merupakan lokasi, bangunan atau objek yang menjadi tanda penting di sesuatu kawasan. Contohnya, Menara Petronas sebagai mercu tanda Kuala Lumpur, Malaysia.



Arca A Lion Headed Figurine, dijumpai di Gua Hohlenstein, Jerman.



Nefertiti Bust di Neues Muzieum, Berlin.

Contoh-contoh Arca



Pengarca: Michelangelo
Tajuk: *David*
Tahun: 1504
Media: Marmar



Pengarca: Syed Ahmad Jamal
Tajuk: *Perhubungan*
Tahun: 1964
Media: Kayu



Pengarca: Anthony Lau
Tajuk: *Rimba*
Tahun: 1967
Media: Besi

Jenis-jenis Arca



i) Arca Berfungsi

Arca ini boleh digunakan oleh manusia bagi tujuan tertentu. Contohnya, tempat permainan kanak-kanak di taman permainan.



ii) Arca Estetik

Arca ini mempunyai nilai estetik dan dipamerkan di galeri seni atau di tempat awam.

Pengarca: Raja Shahrman Raja Aziddin
Tajuk: *The Killing Tools*
Tahun: 1994
Media: Besi

Penghasilan Arca



i) **Arca Mobail**

Gabungan bahan yang bersesuaian bagi memastikan pergerakan berlaku secara semula jadi pada arca seperti bergoyang, bergetar dan berpusing. Contoh bahan yang digunakan ialah kertas, kepingan logam dan bahan kitar semula.



Ihsan: Galeri Shah Alam

ii) **Arca Binaan**

Gabungan bahan yang sama atau sesuai dan dicantumkan bagi menghasilkan satu binaan atau struktur. Contoh bahan yang digunakan ialah kayu, logam dan plastik.



iii) **Arca Asemblaj**

Proses mencantumkan pelbagai jenis bahan pada sesuatu permukaan. Contoh bahan yang digunakan ialah bahan kitar semula.



iv) Arca Timbulan

Proses menghasilkan arca yang timbul daripada sesuatu permukaan melalui teknik mengukir, ketukan dan acuan. Contoh bahan yang digunakan ialah tanah liat, kayu dan kepingan logam.



v) Arca Luakan

Proses membuang bahagian tertentu secara terancang untuk menghasilkan arca. Contoh bahan ialah kayu dan plaster Paris.



vi) Arca Acuan

Teknik penghasilan arca dengan menggunakan acuan yang sedia ada atau acuan buatan sendiri. Contoh bahan yang digunakan ialah tanah liat dan plaster Paris.



Ihsan: Galeri Shah Alam

vii) Arca Stabail

Teknik pembinaan menggunakan teknik bebas yang mempunyai tapak kukuh sebagai dasar. Contoh bahan yang digunakan ialah logam, kayu dan bahan kitar semula.



viii) Arca Instalasi

Proses pemasangan arca di kawasan tertentu sama ada di kawasan terbuka atau tertutup. Contoh bahan yang digunakan ialah bahan buatan manusia dan alam semula jadi.



ix) Arca Kinetik

Gabungan bahan yang sesuai bagi membolehkannya bergerak secara semula jadi atau dengan bantuan enjin. Contoh bahan yang digunakan ialah logam, kayu dan bahan kitar semula.



INFO SENI

Arca mobail kebanyakannya digantung dari atas dan boleh bergerak dengan sendirinya, manakala arca kinetik biasanya bermula dari bawah dan bergerak menggunakan motor. Arca ini juga boleh bergerak sendiri bergantung pada faktor persekitaran, seperti angin.

Karya Arca Luar Negara




Pengarca: Henry Moore
Tajuk: *Reclining Figure*
Tahun: 1939
Bahan: Kayu elm
Sumber: Institute of Arts, Detroit



Pengarca: Auguste Rodin
Tajuk: *The Burghers of Calais*
Tahun: 1884
Bahan: Tembaga
Sumber: Calais, Perancis

Karya Arca Tempatan



Pengarca: Raja Shahrman
Raja Aziddin
Tajuk: *Gejolak Api*
Tahun: 2008
Bahan: Besi
Sumber: Koleksi peribadi



Pengarca: Masyarakat
peribumi di daerah Kapit,
Sarawak
Tajuk: *Klirieng*



Pengarca: Bayu Utomo Radjikin
Tajuk: *Lang Kacang*
Tahun: 1991
Bahan: Campuran
Sumber: LPSVN



LUKISAN

MELUKIS ALAM SEMULA JADI

- Tajuk - Lukisan
 Tema - Alam semula jadi
 Media - Media kering
 Teknik - Campuran
 Konsep - Realistik
 Idea - Berdasarkan tema alam semula jadi. Subjek pilihan ialah buah-buahan dan sayur-sayuran.

Penjanaan idea



Tomato



Bawang putih



Delima



Labu

Penentuan konsep: Lukisan realistik



Pelaksanaan proses



Pelaksanaan proses 1 (Lukisan yang dipilih)



Pelaksanaan proses 2



Pelaksanaan proses 3



Pelaksanaan proses 4

Pemilihan media



Pensel



Pensel warna



Pen



Pastel

Karya akhir



Kemasan karya

- Lukisan hendaklah kemas dan menarik.
- Pemati warna (fixative) diletakkan sekiranya menggunakan pensel atau arang (charcoal).
- Karya dibingkai menggunakan bod lekap (mounting board).



CATAN

MEWARNA CATAN

- Tajuk - Catan
- Tema - Kosmos
- Media - Cat air
- Teknik - Basah di atas basah dan basah di atas kering
- Konsep - Separa abstrak
- Idea - Berdasarkan tema kosmos, subjek pilihan berdasarkan alam semesta.

Penjanaan idea




Pemilihan imej




Lakaran kajian




Pelaksanaan proses 1



Pelaksanaan proses 2



Pelaksanaan proses 3
(Lakaran yang dipilih)



Pelaksanaan proses 4

Pelaksanaan proses/kajian warna



Kajian warna 1



Kajian warna 2 (Warna pilihan)




Kajian warna 3



Kajian warna 4

Karya akhir



Hasil karya catan kosmos

Nama: Yanti
Tajuk: *Fantasi*
Tahun: 2016
Media: Cat air

Kemasan karya

- Karya yang telah siap hendaklah dituliskan nama pengkarya dan perlu dilabel.
- Karya dibingkaikan dengan menggunakan bod lekap (mounting board).



CETAKAN

MENCETAK BEG KERTAS (BROWN PAPER)

- Tajuk - Cetakan
- Tema - Flora
- Media - Saring sutera
- Teknik - Cetakan stensil
- Konsep - Separa abstrak
- Idea - Pelbagai jenis flora

Penjanaan idea



Sumber idea 1



Sumber idea 2



Sumber idea 3




Sumber idea 4 (Sumber idea yang dipilih)

Lakaran dan kajian imej yang dipilih



Penentuan konsep: Separa abstrak



Reka letak idea



Reka letak 1



Reka letak 2



Reka letak 3
(Reka letak yang dipilih)

Kajian warna



Kajian warna 1
(Kajian warna yang dipilih)



Kajian warna 2



Kajian warna 3

Pelaksanaan proses



Alat dan bahan.



1
Regangkan saring sutera pada pemidang.



2
Letakkan stensil di atas permukaan beg.



3
Tampalkan pita pelekat agar beg tidak bergerak.



4
Letakkan pemidang di atas beg.



5
Letakkan warna pada bahagian hujung pemidang.

NOTA GURU

Cetakan yang telah dihasilkan boleh dijual bagi mendidik murid ke arah keusahawanan.



Ratakan warna menggunakan sekuji.



Keringkan cetakan warna pertama dan diikuti dengan cetakan warna seterusnya.



Karya akhir

Cetakan hendaklah dilakukan dengan teliti agar dakwat cetakan tidak keluar daripada stensil. Pastikan dakwat kering sepenuhnya.



ARCA

MENGHASILKAN ARCA

- Tajuk - Arca
- Tema - Fauna
- Media - Bongkah lilin (lilin buatan sendiri)
- Teknik - Arca luakan
- Konsep - Abstrak
- Idea - Pelbagai jenis fauna



INFO SENI

Cara menghasilkan lilin


Minyak masak (yang telah digunakan) dipanaskan bersama-sama dengan pengeras minyak masak (cooking oil hardener). Masukkan *oil pastel* (untuk mendapatkan warna) ke dalam minyak tadi, lalu masukkan ke dalam acuan yang dikehendaki. Setelah keras, lilin boleh dikeluarkan daripada acuan.

Penjanaan idea




Sumber idea yang dipilih.


Penentuan konsep




Pelaksanaan konsep: Abstrak




Olahan idea 1




Olahan idea 2



Olahan idea 3



Olahan idea 4



Olahan idea 5 (Olahan yang dipilih)


Pelaksanaan proses



Alat dan bahan.



Luakkan bongkah lilin.



Bentukkan bahan mengikut lakaran yang telah dihasilkan.



Buat kemasan pada bahan dengan melicinkan dan meratakan bahagian tertentu.

Karya akhir



Kemasan akhir

Hasil akhir arca luakan hendaklah kemas dan dilabelkan jika hendak dipamerkan.

PENGENALAN

Dalam kehidupan sehari-hari, aplikasi budaya seni visual sering digunakan tanpa kita sedari. Sebagai contoh, menata rias wajah, memilih pakaian, menyusun perabot, menghias rumah dan menghasilkan karya.

Setiap karya yang dihasilkan mempunyai maksud yang tersirat dan tersurat. Apresiasi terhadap karya seni sangat perlu bagi menghargai dan mengangkat martabat karya dan pengkarya.

Karya Lukisan



- Pelukis:** Dzulkipli Buyong
Tajuk: *Kapal Kertas*
Tahun: 1966
Media: Pastel
Sumber: Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara
Gaya: Gaya yang digunakan oleh pelukis ialah separa abstrak.
Ruang: Gambaran budaya masyarakat tempatan.
Makna: Nilai persahabatan dan kasih sayang.
Nilai: Suasana budaya tempatan di desa.



Dzulkipli bin Buyong dilahirkan pada tahun 1948 di Kuala Lumpur. Digelar "anak berbakat luar biasa" ketika menuntut di Victoria Institution, Kuala Lumpur. Beliau mendapat bimbingan daripada Ng Kah Onn (Wednesday Art Group) dan mendapat pendidikan secara formal di Institut Teknologi MARA. Karya beliau banyak menggunakan kapur pastel. Ketika berumur 16 tahun, Dzulkipli mendapat pelbagai penghargaan, termasuklah daripada Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Karya Catan



- Pelukis:** Johan Marjonid
Tajuk: *Cool and Mysterious*
Tahun: 2008
Tema: Alam semula jadi
Media: Akrilik
Gaya: Gaya yang ditonjolkan oleh pelukis ialah gaya realistik.
Ruang: Keindahan Hutan Brinchang, Pahang pada sekitar tahun 2008.
Makna: Hutan yang damai dan penuh misteri.
Nilai: Keindahan ciptaan Tuhan dan menggalakkan masyarakat memulihara alam sekitar.



Johan Marjonid dilahirkan di Ayer Baloi, Pontian, Johor pada 9 November 1968 dan kini menetap di Kajang, Selangor. Beliau mendapat pendidikan secara formal di Universiti Teknologi MARA dalam bidang Seni Halus pada tahun 1992. Johan ialah pelukis sepenuh masa dan menjadikan alam semula jadi sebagai bahan paparan dalam hasil karyanya. Medium yang sering digunakan ialah cat minyak, cat air, akrilik dan pensel. Johan dijemput ke Hanover, Jerman untuk pameran *Rainforest Painting Demonstration World Expo 2000*.

Karya Arca



- Pengarca:** Raja Shahrizan bin Raja Azzidin
Tajuk: *Junjung Duli*
Tahun: 2014
Media: Besi
Tema: Perpaduan
Gaya: Gaya yang ditonjolkan oleh pengkarya ialah gaya abstrak.
Ruang: Arca yang diletakkan di negeri Pahang ini menggambarkan masyarakat yang bersatu padu.
Makna: Lima bentuk gading melambangkan lima prinsip Rukun Negara dan lima prinsip Rukun Islam.
Nilai: Negeri yang bersatu padu dan aman damai di bawah satu pemerintahan.



Raja Shahrizan bin Raja Azzidin dilahirkan pada 17 November 1967 di Kuala Kangsar, Perak. Beliau mendapat pendidikan formal di Universiti Teknologi MARA dengan pengkhususan dalam bidang arca. Raja Shahrizan merupakan pengarca sepenuh masa. Karya-karya beliau banyak terdapat di Galeri Pelita Hati, Kuala Lumpur.

Karya Cetakan



- Pelukis:** Juhari Said
Tajuk: *Berunding dengan Tunggul*
Tahun: 1998
Media: Blok kayu
Tema: Peribahasa Melayu
Gaya: Gaya yang ditonjolkan oleh pelukis ialah separa abstrak.
Ruang: Budaya masyarakat dahulu yang mengamalkan nilai sopan santun.
Makna: Penyampaian mesej kepada masyarakat melalui sindiran menggunakan peribahasa Melayu.
Nilai: Sindiran kepada masyarakat Melayu yang tidak mengendahkan nasihat dan teguran orang lain.



Juhari bin Said dilahirkan pada 6 Januari 1961 di Gopeng, Perak dan kini menetap di Hulu Langat, Selangor. Beliau mendapat pendidikan di Universiti Teknologi MARA (1979 – 1983). Juhari menerima Anugerah Karyawan Tamu Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 2011. Pada tahun 2009 pula, beliau menerima Anugerah Karyawan Seni dari *Unity Culture, Arts and Heritage* Malaysia. Pada tahun 2008, beliau menerima Anugerah Ahli Cipta (Creative Fellow), Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia.



BAB 5 KRAF TRADISIONAL



PENGENALAN

Kraf tradisional ialah warisan bangsa dan pusaka peninggalan nenek moyang pada suatu masa dahulu. Hasil kraf kaya dengan unsur-unsur budaya yang dizahirkan melalui bentuk, gaya, fungsi dan sifat serta warnanya. Kebiasaannya kraf tradisional dihasilkan untuk kegunaan harian atau bersifat kerohanian.

KRAF TRADISIONAL

SERAMIK

ANYAMAN

KRAF DIMENSI BAHARU

SERAMIK

ANYAMAN



SERAMIK

DEFINISI

Seramik ialah kraf tangan yang menggunakan bahantara tanah liat yang dibentuk, dibakar dan disepeh. Seramik merupakan karya berbentuk tiga dimensi.



INFO SEJARAH

1. Seramik ialah objek yang keras, poros dan mudah pecah.
2. Zaman neolitik merupakan zaman bermulanya penggunaan dan perkembangan tembikar.

Sejarah Tembikar

Tembikar telah digunakan sejak zaman dahulu sebagai barangan kegunaan harian seperti untuk memasak, menyimpan makanan serta dijadikan tempat menyimpan air. Bukti penemuan artifak ini dijumpai di Gua Cha di Kelantan, Bukit Tengku Lembu di Perlis, Ulu Tembeling di Pahang dan Gua Niah di Sarawak.

Peredaran zaman telah memperlihatkan perubahan, terutama pada reka bentuk, ragam hias serta kegunaan tembikar. Perubahan ini bukan sahaja untuk kegunaan harian malahan sesuai dijadikan hiasan dalaman untuk ruang rumah, pejabat dan sebagainya. Penemuan inovasi ini secara tidak langsung telah meningkatkan dan membangunkan industri tembikar namun pembuatan secara tradisional masih dikekalkan untuk memelihara seni tembikar warisan negara.

Kawasan yang terkenal dalam perusahaan kraf tembikar ialah Sayong di Perak, Kampung Mambong di Kelantan, Kampung Pasir Durian di Pahang dan Kuching di Sarawak. Ciri-ciri yang terdapat pada tembikar tradisional ialah sifat poros dan tidak bersepeh, dibakar secara terbuka dengan suhu yang tinggi antara 700°C – 900°C. Tembikar ini mempunyai ragam hias ringkas dan biasanya bermotifkan flora serta tidak berwarna.

INFO BAHASA

Kraf ialah kerja seni yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan. (DBP)

Di Malaysia, perusahaan tembikar lebih tertumpu kepada perusahaan labu sayong dan tembikar Sarawak. Namun begitu, terdapat pelbagai jenis tembikar yang masih digunakan mengikut kesesuaian dan fungsinya.



Bahagian-bahagian labu sayong.



Tembikar Sarawak.


Jenis-jenis tembikar

Jenis	Fungsi	Ciri-ciri
Geluk 	Bekas air	<ul style="list-style-type: none"> ● Ragam hias daripada motif yang ringkas dan kecil. ● Berasal dari negeri Perak.
Buyung 	Bekas air	<ul style="list-style-type: none"> ● Mempunyai leher dan badan. ● Saiz besar dan bahagian badan berbentuk bulat penuh. ● Mempunyai permukaan yang licin dan tanpa hiasan. ● Berasal dari Sayong, Perak.

Jenis	Fungsi	Ciri-ciri
<p>Jambangan</p> 	<p>Meletak bunga</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Badannya berbentuk labu yang ditinggikan seperti tempayan atau buyung berkaki. ● Berasal dari negeri Kelantan.
<p>Labu</p> 	<p>Bekas air</p>  <p>Sila imbas</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Berbentuk seperti buah labu. ● Bermotifkan alam sekeliling dan geometri. ● Banyak terdapat di Sayong, Perak.
<p>Bekas bara/bekas perasapan</p> 	<p>Membakar kemenyan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Digunakan dalam upacara perubatan dan keagamaan. ● Berasal dari Kelantan.
<p>Terenang</p> 	<p>Bekas air tertutup</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Mempunyai motif flora dan fauna. ● Terkenal di kawasan Kampung Pasir Durian, Pahang. ● Merupakan kendi air yang bertutup. ● Reka corak ringkas dan bertemakan alam sekeliling.

Jenis	Fungsi	Ciri-ciri
<p>Tembikar mambong</p> 	<p>Peralatan dapur seperti periuk, buyung, belanga</p>	<ul style="list-style-type: none"> Berasal dari Kampung Mambong, Kelantan. Kebanyakan tidak mempunyai corak atau hanya corak mudah seperti siku keluang dan pucuk rebung. Biasanya digunakan untuk kegunaan harian.
<p>Tembikar Sarawak</p> 	<p>Untuk menyimpan barang berharga, tuak atau jambangan bunga</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan motif tempatan Sarawak. Berwarna dan disepuh. Berasal dari negeri Sarawak. Tempayan ini banyak digunakan oleh kaum Kelabit di pedalaman Sarawak untuk menyimpan barang berharga atau mengisi tuak.

Motif tembikar



Motif pasu Sarawak



Penerokaan Media dan Teknik Teknik membentuk tembikar

Teknik picit

Tembikar dihasilkan dengan menekan dan memicit tanah liat dari bahagian tengah. Teknik ini paling mudah dilakukan untuk menghasilkan tembikar.



Teknik lingkaran

Bermula dari bahagian tapak, tanah liat dibentuk sehingga menjadi lingkaran menggunakan tangan. Lingkaran dicantum dengan lingkaran baharu menggunakan tanah liat cair (slip).



Teknik kepingan

Tanah liat dipotong dalam bentuk kepingan mengikut saiz yang ditetapkan, lalu dicantum menggunakan tanah liat cair (slip).





Teknik acuan

Teknik ini dihasilkan dengan menggunakan acuan yang telah disediakan. Tanah liat yang cair dituangkan ke dalam acuan.



Teknik lempar alin

Melalui teknik ini, tanah liat dibentuk dengan menggunakan mesin atau roda pemutar.

Alat dan bahan penghasilan tembikar



AKTIVITI

Buat latihan amali tentang teknik-teknik membentuk tembikar dengan menggunakan tanah liat.

Teknik Pembakaran Tembikar

Terdapat dua cara pembakaran tembikar, iaitu pembakaran cara tradisional dan pembakaran cara moden.

1. Pembakaran Cara Tradisional



- i. **Pembakaran Cara Sayong**
Tembikar disalai pada api selama lebih kurang enam jam dengan bahagian mulut tembikar ke bahagian bawah menghala ke api, kemudian tembikar dimasukkan ke dalam sekam padi bagi mendapatkan kesan hitam pada badan tembikar. Setelah itu, bahagian bawah tembikar disapukan dengan damar untuk mengelakkan telap air.




- ii. **Pembakaran Cara Pulau Tiga**
Tembikar didiangkan pada unggun api sehingga kering lalu dimasukkan ke dalam sekam padi atau habuk kayu untuk mendapatkan kesan hitam pada tembikar. Damar disapukan pada bahagian bawah tembikar untuk mengelakkan telap air.

2. Pembakaran Cara Moden

Pembakaran cara moden seperti tanur kayu, tanur raku, tanur gas dan tanur elektrik. Pembakaran cara moden memerlukan suhu yang tinggi, iaitu antara 900°C – 1500°C.



i) Tanur elektrik



ii) Tanur raku



iii) Tanur kayu



ANYAMAN

DEFINISI

Anyaman merupakan antara warisan kraf yang popular di Terengganu, Perak, Kedah, Melaka, Sabah dan Sarawak. Anyaman bermaksud proses menjalin atau menyilang helaian daun seperti mengkuang, pandan, rotan, buluh atau lidi melalui sisipan secara terancang. Anyaman yang dihasilkan oleh masyarakat kita ialah anyaman biasa (ghadas), anyaman kelarai dan anyaman sulam.



INFO SENI

Daun mengkuang – lebar, keras dan panjang serta tahan lebih lama berbanding dengan daun pandan.

Daun pandan – kecil, lembut serta berkilat. Daun pandan lebih mudah didapati berbanding dengan daun mengkuang.

Jenis Anyaman	Bahan	Hasil Anyaman
Anyaman Mengkuang	Daun Mengkuang	Tudung saji, tikar, bekas pakaian
Anyaman Pandan	Daun Pandan Duri	Hiasan dinding, tikar sembahyang
Anyaman Buluh	Buluh yang telah diproses	Dinding rumah, pengadang ruang, bekas pensel
Anyaman Rotan	Rotan yang telah diproses	Bekas pakaian, bakul, tempat buaian, kerusi
Anyaman Lidi	Lidi kelapa	Lekar, bekas buah, bekas telur
Anyaman Ribu-ribu	Daun pakis ribu-ribu	Bekas sirih terbus, bekas tembakau, bakul serba guna

Penerokaan Media dan Teknik

Jenis-jenis bahan anyaman



Mengkuang



Buluh




Rotan



Daun kelapa

Peralatan dan bahan anyaman mengkuang



Proses penyediaan daun

1. Memilih daun

Daun mengkuang sangat sesuai diambil pada waktu pagi bagi mengelakkan daun cepat layu.



2. Melayur

Daun perlu dilayur agar menjadi lembut dan mengelakkan daun mudah patah apabila proses menjangka dilakukan.



3. Menjangka

Menjangka ialah proses membuang duri dan membelah daun menjadi helaian yang lebih kecil dan sama saiz.



4. Melurut

Alat pelurut digunakan untuk melurut daun bagi melembutkannya dan memudahkan proses anyaman.



5. Merendam

Daun yang telah dibelah akan diikat dan direndam untuk melunturkan warna daun.



6. Menjemur

Daun yang telah hilang warnanya dijemur sehingga kering di tempat yang redup.



7. Mewarna

Helaian-helaian daun diwarnakan mengikut warna yang dikehendaki.



Proses Anyaman Mengkuang

- a) **Lagang**
Lagang ialah asas atau "tulang" yang akan menentukan panjang sesuatu anyaman.



- b) **Anyam**
Proses menganyam dilakukan dari bahagian tengah lagang sehingga ke bahagian tepi.



- c) **Sisip**
Proses yang memerlukan alat penyisip bagi merenggangkan bahagian anyaman untuk memudahkan lebih daun dimasukkan. Sisip dapat mengelakkan anyaman daripada terburai.



- d) **Lepih**
Lepih atau anyaman mati pada tepi tikar merupakan proses akhir anyaman.



- e) **Kerat**
Bahagian tepi atau lebih bilah daun dipotong (kerat) supaya anyaman lebih kemas dan menarik.



KELARAI

DEFINISI

Kelarai merupakan corak ataupun motif yang terbentuk dan juga terhasil apabila proses anyaman dilakukan. Corak kelarai selalunya telah dirancang sebelum memulakan proses anyaman.



Anyaman Buluh

Anyaman buluh terdapat di Semenanjung Malaysia, terutamanya di negeri Kedah dan Perlis. Pada zaman dahulu, anyaman buluh dijadikan sebagai dinding rumah, masjid dan istana. Pada masa ini, anyaman lebih popular sebagai alat hiasan rumah, restoran dan hotel.

ANYAMAN TRADISIONAL



Istana Kenangan, Kuala Kangsar



Rumah Kutai, Perak

Alat dan Bahan



Buluh



Gunting dan pisau



Pelurut



Pembaris




Alat pembelah buluh



Pisau raut

Kaedah Memproses Buluh



Anyaman Rotan

Rotan merupakan sejenis tumbuhan palma yang memanjat dan hidup di dalam hutan. Rotan senang direka bentuk mengikut anyaman yang dikehendaki. Rotan amat sesuai untuk dianyam menjadi bakul, raga, nyiru, tikar dan perabot. Hasil anyaman rotan ialah produk yang tahan lama.

Alat dan Bahan



Rotan



Gunting rotan



Pisau raut



Penukul dan paku



Pencucuk ais



Penyembur air



Papan pemotong

Proses Anyaman Rotan



Rotan diraut dan dibelah halus dan mengikut saiz



Rotan direbus



Kemasan dan persembahan



Kerja tangan rotan bermula



Anyaman Lidi



Pokok kelapa tergolong dalam spesies palma dan dikenali sebagai pokok serba guna kerana semua bahagian pokok tersebut boleh digunakan. Satu daripada bahan kraf tangan yang diperbuat daripada pokok kelapa ialah lidi. Berbagai-bagai barangan boleh dihasilkan dengan menggunakan lidi kelapa. Antaranya, termasuklah lekar, bekas telur, bakul, bekas buah-buahan dan bekas gubahan bunga.

Kraf tangan daripada lidi ini dimulakan dengan proses meraut dan mengisit daun kelapa yang muda dan panjang untuk mendapatkan lidinya. Lidi yang sudah licin diraut akan direbus dengan pewarna dan dijemur sehingga kering. Lidi yang sudah kering itu sedia dianyam mengikut bentuk yang dikehendaki.

Anyaman Ribu-ribu

Ribu-ribu atau nama saintifiknya *Lygodium* tergolong dalam famili paku-pakis. Tumbuhan ini menjalar di kawasan terbiar, hutan-hutan muda, kebun kelapa atau kebun getah yang tidak diusahakan lagi. Secara tradisi, anyaman ribu-ribu terdapat pada terendak, bekas tembakau, serkap ikan serta jebak puyuh. Penutup rabung rumah Melayu di Terengganu turut menggunakan ribu-ribu biasa yang dijalin di antara kepingan bilahan buluh.



Alat dan Bahan



Rotan empulur digunakan sebagai bahan lingkaran atau bingkai asas bagi menjalin ribu-ribu mengikut bentuk yang dikehendaki.



Alat pemecah ais digunakan untuk menjalin ribu-ribu.



Pengetip kuku digunakan untuk memotong dan memperkemas lebihan ribu-ribu yang dijalin.

Kaedah Memproses Ribu-ribu

1

Batang ribu-ribu serta akarnya dicabut. Daun-daun dan bahagian hujung pucuknya dipotong.

3

Belahan dimulakan daripada hujung hingga ke pangkal menggunakan ibu jari.

5

Ribu-ribu kemudian digantung dan dijemur di tempat yang teduh hingga kering.

7

Ribu-ribu yang telah kering seterusnya diraut dengan pisau.

2

Ribu-ribu dibelah sedikit dengan pisau kepada dua atau tiga bahagian mengikut ukuran.

4

Setelah belahan hampir ke hujung atau pangkal, empulur akan ditarik keluar.

6

Ribu-ribu yang terlalu kering akan mengakibatkan kulit ribu-ribu menjadi kecut dan mudah patah apabila dianyam. Ribu-ribu perlu dielakkan daripada terkena air sebelum digunakan agar tidak mudah bertukar kepada warna hitam.

8

Helaian ribu-ribu kemudian dijangka mengikut saiz yang dikehendaki dengan memasukkannya melalui lubang pada tudung tin yang ditebuk.

Tembikar Dimensi Baharu

Pelbagai bentuk dan fungsi tembikar telah dihasilkan sesuai dengan kehendak dan peredaran masa.

Perbezaan antara kraf tembikar tradisional dengan tembikar dimensi baharu

Tradisional	Aspek	Kraf Dimensi Baharu
<ul style="list-style-type: none"> ● Sebagai kegunaan harian ● Menyambut sesuatu acara ● Pasu bunga ● Periuk ● Alat pengebumian kaum di Sabah dan Sarawak 	Peranan dan fungsi	<ul style="list-style-type: none"> ● Perhiasan ● Cenderamata
<ul style="list-style-type: none"> ● Menguli tanah liat ● Diterapkan dan dilukis pelbagai corak dan motif ● Proses pembakaran lama <ul style="list-style-type: none"> i) pembakaran cara Pulau Tiga ii) pembakaran cara Sayong 	Proses	<ul style="list-style-type: none"> ● Proses pembakaran moden <ul style="list-style-type: none"> i) tanur gas ii) tanur kayu iii) tanur elektrik iv) tanur raku

CONTOH TEMBIKAR TRADISIONAL



Labu sayong



Geluk

CONTOH TEMBIKAR DIMENSI BAHARU



Lampu hiasan



Pasu hiasan

KRAF ANYAMAN

Perbezaan antara kraf anyaman tradisional dengan kraf dimensi baharu

Kraf Tradisional	Aspek	Kraf Dimensi Baharu
<ul style="list-style-type: none"> ● Tikar ● Bakul ● Nyiru ● Dulang ● Pengayak ● Tudung saji ● Penapis ● Kipas 	Peranan dan fungsi	<ul style="list-style-type: none"> ● Bekas surat ● Hiasan dinding ● Topi ● Beg duit ● Alas pinggan ● Terendak lampu
<ul style="list-style-type: none"> ● Menyediakan daun ● Membelah daun ● Menganyam 	Proses	Penyediaan bahan alternatif seperti reben, kertas dan sebagainya.

CONTOH ANYAMAN TRADISIONAL




Tikar mengkuang



Bekas beras

CONTOH ANYAMAN DIMENSI BAHARU



Bekas tisu



Bekas serba guna

Anyaman Buluh

ANYAMAN TRADISIONAL



Tudung saji dan bubu



Atap bumbung

ANYAMAN DIMENSI BAHARU



Lampu hiasan



Kerusi rehat

Anyaman Rotan

ANYAMAN TRADISIONAL



Bakul



Tikar rotan Sarawak

ANYAMAN DIMENSI BAHARU



Meja



Rumah kucing



Projek 1

Tajuk: Bekas Tisu

Tema: Fauna (siput)

Alat dan Bahan: Kadbod, pensel, pembaris, gunting, pisau

: Tanah liat dan tanah liat cair (slip)

: Alat-alat untuk proses membentuk tembikar

Teknik: Campuran (lingkaran, picitan, kepingan)

Aspek penilaian:

- Tanah liat perlu diuli
- Lingkaran dan kepingan tanah liat perlu sama saiz dan ketebalannya
- Bahagian sambungan tanah liat perlu digores dan disapu slip
- Tapak bekas rata dan kemas

Penjanaan Idea 1



Koleksi bekas tisu

Penjanaan Idea 2



Imej 1



Imej 2



Imej 3
(Imej yang dipilih)



Imej 4



LAKARAN IDEA



Imej pilihan



Lakaran



OLAHAN IDEA



Olahan idea 1



Olahan idea 2



Olahan idea 3



Olahan idea 4




Olahan idea 5
(Olahan idea pilihan)



LAKARAN REKA LETAK




Lakaran reka letak 1




Lakaran reka letak 2




Lakaran reka letak 3



Lakaran reka letak 4



Lakaran reka letak 5




Lakaran reka letak 6
(Lakaran reka letak pilihan)



PROSES PENGHASILAN KARYA

Proses membentuk bekas tisu



Alat dan bahan.




1 Uli tanah liat sehingga padu dan sehati.



2 Gelek tanah liat untuk dijadikan sebagai tapak bekas.



3 Potong kepingan tapak tanah liat mengikut bentuk yang dikehendaki.



4 Buat lingkaran tanah liat di atas permukaan yang rata.



5

Sediakan lingkaran tanah liat secukupnya, kemudian tutup dengan kain lembap supaya tidak cepat kering.



6

Mulakan proses membentuk.



7

Gores dan sapu sambungan setiap bahagian dengan tanah liat cair.



8

Letakkan lingkaran tanah liat pada bahagian atas dinding kotak dan sapukan tanah liat cair untuk kemasan.



HASIL AKHIR





Projek 2

Tajuk: Anyaman Bakul

Tema: Bekas serba guna

Alat dan Bahan: Rotan, pisau, gunting, bekas air


Teknik: Anyaman Rotan

Aspek penilaian:

- Kemasan anyaman pada bahagian tapak
- Tempat sambungan rotan tersembunyi
- Hasil karya seimbang dan kukuh




Penjanaan Idea




Pelbagai bentuk bekas serba guna dapat dihasilkan daripada rotan.

Pelaksanaan proses menganyam




1 Susun tiga bilah rotan secara menegak bersilang dengan empat bilah rotan mendatar untuk proses permulaan tapak.




2 Ambil sebilah rotan dan buat lilitan dua pusingan untuk mengekalkan jalur anyaman di pusat tapak.



3 Setelah dua pusingan lilitan, potong satu daripada bilah rotan secara mendatar. Bahagikan rotan kepada lima kumpulan. Buat dua pusingan lagi.



4 Anyam berselang-seli atas dan bawah sambil membuka bilah tapak.



5 Anyaman diteruskan sehingga mendapat saiz tapak yang dikehendaki. Pastikan jarak antara bilah adalah sama. Rapatkan dan kemaskan jalur anyaman sebelum bilah dinaikkan tegak.



6 Proses anyaman diteruskan sehingga mendapat ketinggian bekas yang dikehendaki. Mulakan proses kemasan dengan menyelitkan gulungan yang berlebihan.



7 Hasil anyaman



Sila imbas

BUDAYA VISUAL

Apresiasi ialah penghargaan atau pengiktirafan terhadap sesuatu produk. Dalam kehidupan sehari-hari, aplikasi budaya seni visual sering digunakan tanpa kita sedari. Setiap produk yang dihasilkan mempunyai maksud yang tersurat dan tersirat.



TEMBIKAR TRADISIONAL

Gaya: Gaya yang digunakan ialah realistik.

Peranan dan Fungsi: Produk ini berfungsi sebagai barangan kegunaan harian untuk menyimpan air.

Ruang: Pada masa dahulu, kaedah pembakaran secara tradisional diamalkan oleh masyarakat Melayu.



ANYAMAN TRADISIONAL

Gaya: Gaya yang digunakan oleh pandai tukang ialah realistik.

Peranan dan Fungsi: Produk ini berfungsi sebagai barangan kegunaan harian seperti tempat penyimpanan barang.

Ruang: Pada masa dahulu, produk ini dihasilkan secara tradisional oleh masyarakat Melayu.



TEMBIKAR DIMENSI BAHARU

Gaya: Gaya yang digunakan ialah separa abstrak.

Peranan dan Fungsi: Produk ini berfungsi sebagai lampu hiasan.

Ruang: Pada masa ini, produk dihasilkan melalui teknologi semasa dan pembakaran dengan menggunakan tanur elektrik.



ANYAMAN DIMENSI BAHARU

Gaya: Gaya yang digunakan ialah separa abstrak.

Peranan dan Fungsi: Produk ini berfungsi sebagai rumah kucing.

Ruang: Pada masa ini, produk dihasilkan dengan menggunakan teknologi semasa.

GLOSARI

abstrak gaya/imej yang diolah hingga sukar dikenali atau tidak jelas.

alam semula jadi objek ciptaan Tuhan.

bentuk ilusi gambaran imej pada permukaan dua dimensi.

bentuk konkrit bentuk yang bersudut dan bersifat tiga dimensi.

buyung bekas air yang besar yang dibuat daripada tanah.

deria kemampuan untuk mengetahui melalui sentuhan, penglihatan, pendengaran, penciuman dan kecapan.

ergonomik bidang yang berkaitan dengan ciri keselesaan, kecekapan, keselamatan dan senang dilakukan oleh manusia.

fauna semua jenis haiwan yang hidup di sesuatu kawasan.

figura lukisan yang berkaitan dengan bentuk manusia.

flora semua jenis tumbuh-tumbuhan yang hidup di sesuatu kawasan.

geometrik bentuk yang bersudut.

goresan tanda atau kesan yang sudah digaris.

hal benda subjek kajian.

idea buah fikiran atau rancangan yang tersusun.

imej bentuk yang sama dengan imej asal.

jalinan tali, benang atau benda lain yang dijalinan untuk membentuk sesuatu benda.

karya bahan kesenian yang dihasilkan oleh seseorang.

kelarai corak atau motif anyaman.

kolagraf, kolograf teknik mencetak dengan plat yang ditampal dengan bahan-bahan kutipan.

kraf kegiatan yang memerlukan kemahiran tangan.

kreatif kebolehan mencipta, menghasilkan sesuatu idea baharu dan asli.

kurator pengurus atau penyelenggara muzium.

mengisit membuang daun supaya tinggal pelepah.

optikal sesuatu yang berkaitan dengan pandangan mata.

organik bentuk yang tidak bersudut.

perekat bahan yang dapat melekatkan sesuatu, contohnya gam.

perspektif ilusi ruang tiga dimensi.

pisau palet alat yang digunakan dalam penghasilan karya cat minyak.

proses cara tertentu untuk membuat sesuatu.

realistik menyerupai gambar sebenar.

rupa garisan luar objek.

sekuji alat untuk menyapu warna dalam teknik cetakan skrin.

separa abstrak karya seni yang diolah imejnya atau dipermudah bentuknya.

sisip menyisip atau meregangkan bahagian anyaman.

spontan berlaku serta-merta tanpa paksaan.

tanur dapur untuk membakar sesuatu benda.

titik lenyap titik pertemuan garisan perspektif.

tradisional cara hidup turun-temurun.

tukang orang yang mahir dalam sesuatu pekerjaan tangan.

video peranti untuk menyimpan data dalam bentuk pergerakan.

warna kesan pembalikan cahaya ke atas sesuatu objek.

zaman jangka masa tertentu.

INDEKS

a

alternatif 68, 198
aplikasi 59, 137, 138, 174, 208
apresiasi 4, 45, 48, 49, 50, 51, 52, 83, 174, 208
arca 4, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 33, 34, 39, 42,
43, 44, 50, 51, 123, 153, 154, 155, 156, 157,
158, 170, 173, 176

b

bahantara 65, 124, 180

c

cat air 56, 58, 59, 65, 66, 67, 68, 73, 76, 133, 134,
135, 139, 162, 164, 175
catan 17, 50, 52, 54, 55, 56, 58, 59, 64, 65, 66, 67,
68, 69, 73, 76, 77, 78, 84, 86, 92, 94, 96, 123,
133, 134, 135, 136, 137, 139, 140, 141, 142,
162, 164, 175

d

dimensi 8, 17, 18, 21, 28, 33, 48, 49, 50, 51, 61, 64,
70, 86, 87, 88, 124, 126, 153, 179, 180,
197, 198, 199, 208

e

efektif 136
elemen 2, 3, 4, 10, 18, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62,
63, 94, 102, 120, 126
estetik 12, 33, 50, 51, 102, 104, 124, 153, 154

g

galeri 28, 33, 47, 64, 70, 77, 154, 155, 157, 176
gaya 3, 35, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 99, 104, 174,
175, 176, 177, 179, 208

i

ilusi 10, 11, 17, 18, 19, 23, 32, 48, 59, 62, 63, 126
irama 54

k

kanvas 133, 136
karya 1, 2, 3, 4, 16, 19, 24, 26, 28, 34, 35, 36, 39,
41, 42, 43, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 54,
55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 66, 67,
68, 70, 72, 73, 74, 76, 77, 78, 82, 84, 85, 86,
87, 88, 107, 111, 112, 116, 117, 121, 129, 130, 131,
132, 135, 136, 141, 142, 152, 153, 158, 161,
164, 169, 173, 174, 175, 176, 177, 180, 204,
205, 206
kertas pendua 148
kesan 3, 4, 5, 6, 7, 10, 11, 12, 15, 16, 18, 19, 25, 26,
28, 31, 32, 36, 54, 56, 58, 60, 61, 62, 63, 65, 66,
69, 72, 76, 126, 129, 130, 131, 132, 135, 137,
140, 144, 186
kraf tangan 180, 195

l

lukisan 4, 5, 6, 8, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 23, 24,
28, 29, 30, 31, 35, 47, 48, 49, 69, 92, 94, 96,
97, 105, 123, 124, 126, 127, 128, 129, 130,
132, 150, 159, 160, 161, 171, 174, 202
lut sinar 65, 69, 135, 137

m

media digital 28, 33, 64, 70
mendatar 150, 207
mengisit 195
mengukir 145, 146, 153, 156
mesej 3, 4, 46, 51, 95, 96, 102, 177

n

nisbah keemasan 126, 128

o

objek 2, 4, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18,
19, 22, 23, 25, 26, 28, 30, 31, 32, 36, 45, 48,
49, 52, 54, 55, 56, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 126,
127, 128, 153, 180
organik 8, 21

p

pameran 83, 84, 85, 86, 87, 88, 89, 121, 175
pantulan 15
pengarca 50, 51, 153, 154, 158, 176
penyamaran 93
perspektif 10, 11, 18, 19, 27, 126, 127, 128
prinsip rekaan 1, 3, 52, 54, 59, 60, 73, 77, 78, 84, 94

r

refleksi 15
ruang ilusi 17, 19
ruang nyata 17

s

seramik 179, 180, 183
sistematik 52
spontan 69, 72, 138

t

tema 46, 63, 73, 77, 96, 105, 107, 112, 120, 159,
162, 165, 170, 175, 176, 177, 200, 206
tembikar 30, 33, 180, 181, 183, 184, 185, 186, 197,
198, 200, 208
timbunan 21, 22, 26, 33, 70, 71, 144, 145, 156
titik lenyap 18, 19, 27, 126, 127
tona 5, 10, 11, 30, 31, 32, 36, 55, 63, 123, 139

u

unsur seni 1, 2, 3, 4, 5, 10, 14, 20, 35, 48, 49, 50, 51,
52, 54, 59, 63, 78, 94

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL